


LAPORAN TAHUNAN 2021



MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN KE-54

Nak duit
lebih?
CBP kan ada...
kelulusan
5 jam

dapatkan melalui:

PEMBIAYAAN
PERIBADI-i

AR-RAHNU...
CBP KAN ADA!



Had pemberian harian
sehingga **RM50,000**
Jumlah pemberian maksimum
sehingga **RM350,000**
Wang tunai **75%**
daripada nilai emas

TIADA
TEMPOH
ikatan

Tempoh
pemberian
100%

Nak beli
yumah?
CBP kan ada...



mycbofficial

www.cbp.com.my



TAKAFUL IDAMAN

Setia bersama anda ketika musibah



Lindungi diri anda dan insan tersayang dengan sumbangan serendah **RM10** sebulan*

*Tertakluk pada terma dan syarat

Hubungi Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad untuk keterangan lanjut.

Kami Melindungi Anda



Takafullkhlas



Takafullkhlas.official

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
03-2723 9696 | ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my | www.takaful-ikhlas.com.my



FAIZA®

Rice For Life

PASTIKAN FAIZA BARU BELI

↗ www.faizarice.com

[@syarikat_faiza_official](https://www.instagram.com/syarikat_faiza_official)

[@syarikatfaizaofficial](https://www.facebook.com/syarikatfaizaofficial)

www.faizashop.com



ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT	04
KATA-KATA ALUAN DARI PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN	05
KATA-KATA ALUAN DARI YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (M) BERHAD	06
KATA-KATA ALUAN DARI PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD	07
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI NSTP (M) BHD SESI 2021/2022	08
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI NSTP (M) BHD SESI 2021/2022	10
KAKITANGAN KOPERASI NSTP (M) BERHAD	11
AKTIVITI KOPERASI NSTP 2021	14
NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54	25
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53	26
KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53	41
LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2021	43
LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TAHUN 2021	
Laporan Jkk Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan	46
Laporan Jkk Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan	50
Laporan Jkk Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko	52
Laporan Jkk Komersial, Bisnes & Coopmart	55
Laporan Jkk Ar - Rahnu	58
Laporan Jkk Keanggotaan , Kebajikan & Komunikasi	61
LAMPIRAN MESYUARAT & KURSUS	65
Lampiran A – Mesyuarat Agung Kawasan	66
Lampiran B – Senarai Perwakilan Sesi 2022/2024	67
Lampiran C – Kursus & Seminar Tahun 2021	68
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2021/2022	69
PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020	71
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	75
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA	79
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021	81
ATURAN SKIM SIMPANAN KHAS	123
ANGGARAN PENDAPATAN & PERBELANJAAN TAHUN 2023	125

MAKLUMAT KOPERASI

NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(NO PENDAFTARAN: 4369)

VISI

Menjadi sebuah koperasi yang memenuhi keperluan kewangan anggota dan masyarakat dengan memberi pelbagai perkhidmatan yang mesra pelanggan serta patuh syariah.

MISI

- Memberi kemudahan terbaik melalui tabungan , skim pembiayaan , skim perlindungan , skim kebajikan serta apa jua kemudahan yang bermanfaat kepada anggota dan masyarakat umum;
- Memenuhi kehendak anggota dengan memperkuatkannya sosio - ekonomi;
- Meningkatkan prestasi kewangan yang bernilai tinggi;
- Menyediakan modal insan yang profesional & efisien serta patuh syariah;
- Menjadi koperasi 20 terbaik & terunggul di Malaysia;
- Meningkatkan pulangan kewangan dalam bentuk dividen dan bonus dengan kadar yang kompetitif;
- Mempelbagaikan aktiviti untuk menjana pendapatan;
- Menjadikan E-knstp sebagai saluran informasi dan komunikasi dalam urusan perkhidmatan;
- Memenuhi kebajikan anggota seiring dengan tanggungjawab sosial korporat.

MOTTO “MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

AKTIVITI

- Kredit
- Skim Perlindungan Diri & Keluarga
- Skim Pengguna - Peruncitan / Pajak Gadai Islam / Pelancongan
- Pengurusan Acara & Seminar

PEJABAT BERDAFTAR

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-2282 4647

No. Faks : 03-2282 6334

Laman Web : <http://www.koopnstp.my>

Emel : admin@knstp.com.my

Facebook : Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad

Instagram : koopnstp

ALAMAT CAWANGAN

- Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Dataran Mentari)**
No. A-G-1, Blok A, Arena Mentari,
Jalan PJS 8/15,
Bandar Sunway,
46180 Petaling Jaya, Selangor.
No. Tel: 03-5637 7277 No. Faks: 03-5637 7677
- Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Bandar Seri Putra)**
26, Jalan Seri Putra 1/2,
Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor.
No. Tel: 03-8925 9519 No. Faks: 03-5637 7677
- Saville Express & Business Centre**
G-10, Saville Kajang,
Jalan Reko, 43000 Kajang,
Selangor, Malaysia.
No. Tel/Faks: 03-8738 6091
Email: SavilleExpress@knstp.com.my
Facebook: Saville Express & Business Centre

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurus dan Barisan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad (KNSTP) kerana memberi peluang kepada saya mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan KNSTP pada tahun 2021 sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 54.

Syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga KNSTP yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab yang baik selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berasa bangga melihat kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai hasil bimbingan yang baik diterajui oleh barisan Anggota Lembaga KNSTP, komitmen yang baik dikalangan anggota dan pengurusan KNSTP yang berdedikasi.



Mesyuarat Agung Tahunan merupakan satu pentas yang penting bagi semua pemegang saham sesebuah Koperasi untuk memantau, mengkaji semula, membincang, menukar pandangan dan idea tentang prestasi Koperasi sambil merangka rancangan dan strategi pembangunan Koperasi. Saya berharap bahawa pihak Lembaga, pengurusan dan perwakilan KNSTP dapat mengambil kesempatan penuh dari pentas ini supaya mencapai keputusan dan konsensus tentang perkembangan KNSTP dan justeru meningkatkan tahap pencapaian KNSTP demi manfaat para anggota.

Saya mendoakan agar KNSTP akan terus berkembang maju dan merealisasikan perancangan yang telah dirancang melalui perancangan perniagaannya dengan jayanya. Kami di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa sedia membantu memberi bimbingan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak KNSTP dari semasa ke semasa. Saya doakan juga semoga KNSTP tersenarai sebagai 100 Koperasi Terbaik di Malaysia untuk tahun-tahun mendatang.

Akhir kata saya berharap dan memanjatkan doa agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KNSTP kali ke 54 akan berlangsung dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih

JAAFAR BIN AHMAD
PENGARAH
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN
20 Julai 2022

KATA-KATA ALUAN

YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (MALAYSIA)
BERHAD



*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang
Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam
Sejahtera.*

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatial dua kata di dalam Laporan Tahunan 2021 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-54.

Saya selaku Yang Dipertua masih berbangga kerana pengurusan KNSTP masih mampu menyediakan perkhidmatan terbaik, memelihara kebijikan dan seterusnya memberi dividen kepada anggota bagi tahun kewangan 2021.

Diharap kesungguhan barisan Anggota Lembaga KNSTP dalam menerajui dan memastikan prestasi dikekalkan dapat diteruskan tanpa mengira apa jua rintangan yang dihadapi. Sokongan dari para perwakilan serta anggota perlu ada bagi membantu merealisasi perkara ini. Semoga tahun-tahun berikutnya, KNSTP akan bangkit lebih maju lagi.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang bernes bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mustapha Kamil Mohd Janor".

MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR
YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (M) BERHAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD
20 Julai 2022

KATA-KATA ALUAN

PENGERUSI KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-54 dan masih menunjukkan prestasi yang baik selaras kehendak Akta Koperasi 1993

KNSTP secara tidak langsung terkesan oleh pandemik Covid 19. Dengan perlaksanaan perintah kawalan pergerakan setiap kali berlakunya jangkitan di premis menyebabkan aktiviti terganggu dengan penutupan pejabat dan Coop Mart. Begitu juga aktiviti penggadaian di premis Ar-Rahnu yang terpaksa membataskan operasinya bila berlakunya pandemik.

Walaupun perolehan KNSTP menurun pada tahun 2021 berbanding 2020, KNSTP masih memperolehi keuntungan bersih untuk dikongsikan bersama anggotanya melalui bayaran dividen yang dirancang.

Melihat pada potensi berdaya maju yang ditunjukkan dari prestasi perniagaan Ar-Rahnu, KNSTP kini memberi penekanan yang agresif untuk mempromosi aktiviti pajak gadai Islam ini bukan sahaja di kalangan anggotanya tetapi kepada masyarakat setempat.

Ahli Lembaga dan Pengurusan KNSTP akan berusaha lebih gigih dan tidak akan patah semangat walaupun pelbagai cabaran berlaku. Kerjasama dari semua pihak terutama sokongan dari anggota amat dihargai.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada En Mustapa Kamil, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP selaku Yang Dipertua KNSTP, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada En Jaafar bin Ahmad, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan atas sokongan dan khidmat nasihat yang diberikan.

Selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan KNSTP. Semoga MAT kali ini dapat membuka lebih banyak ruang bagi kita untuk menabur khidmat bakti kepada koperasi yang kita cintai.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.



“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi
20 Julai 2022

ANGGOTA LEMBAGA

SESI 2021/2022



**MOHD FADZIL
ABDUL GHANI**
Pengerusi



ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha



ABDUL RAHIM LLIN
Bendahari



**MOHAMMAD ANIS
ABDULLAH**
Penolong Bendahari



BAHARUDDIN ISHAK
Penolong Setiausaha

ANGGOTA

LEMBAGA



KHAIRUZZAMAN MOHAMMAD



AHMAD SHUKRAN MOHAMED
SALLEH



MOHAMAD WAFI
MOHAMAD AROFF



SALEHUDIN SHAH SHABUDIN



KAMARULZAMAN PID



KHAIRI ABDUL KHALID



FAZLEESHAM MOHD YUNUS

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2021/2022



Duduk dari kiri

MOHD HAFIZ MOHAMAD GHAZALI

RAMESHDEV SINGH A/L GORDEYAP SINGH

Duduk dari kanan

MOHAMAD YAHYA

MOHD HIDZIR MD ISMAIL
PENGERUSI JKAD

AHMAD NIZAM EUSOFF

KAKITANGAN IBU PEJABAT

Duduk dari kiri

AMIR MAT KUPLI @ KUPLI
PEN. PENGURUS AR-RAHNU

RODZIAH JAMAAH
PENGURUS BESAR

AZLINA IBRAHIM
EKSEKUTIF KANAN - PENTADBIRAN

RIDZWAN AHMAD
PENGURUS OPERASI

Berdiri dari kiri

ABDUL SYAHID ABD MUTALIB

NAZIRAH ABD MANAP

NOR KHAIRINA LEELA
NASARUDDIN

ISMADI ISMAIL

NOR AMIZA AZIZI

NOORHAZIFAH MOHD AMINOOR

MOHAMAD FAKHRI ABDUL KOLES



KAKITANGAN AR-RAHNU



CAWANGAN
DATARAN MENTARI

Berdiri dari kiri

SITI SALEHA MOHAMAD

MOHD NAZRI JOHARI

NUR ASHIEQIN ABD MALID
KETUA CAWANGAN

NUR SHAHIRAH ABDUL HAMID

X'CHANGE



Berdiri dari kiri

MUHAMAD ZULHAIRI ZAHARUDDIN

AININ SOFEA ABDUL BASID
KETUA CAWANGAN

FATIN NABILAH KAMARUL BAHARIN

CAWANGAN
BANDAR SRI PUTERA

AKTIVITI KOPERASI NSTP TAHUN 2021



MESYUARAT AGM KE-53

diadakan di Hotel Premiera, Kuala Lumpur dengan dirasmikan oleh En Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) WP Nasional D.

- 21 November 2021





SESI PERKONGSIAN IDEA ANTARA KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) DAN KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

Pertemuan dihadiri oleh En Norazli Abu Bakar Shamsudin, Ahli Lembaga Koperasi TNB, En Zulkefle Bin A.B Rahim, Ketua Pegawai Hal Ehwal Anggota dan Syariah serta En Zulfaqhar Bin Ismail, Ketua unit keanggotaan. Serta diwakili oleh barisan ALK Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad.

- 1 Disember 2021

PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SPM 2020

- November 2021 -




LAPORAN TAHUNAN 2021



LAWATAN PEGAWAI SKM KE COOPMART SEMPENA “PROGRAM JUALAN PRIHATIN RAKYAT”

- 20 November 2021



MAJLIS BACAAN TAHLIL DAN YAASIN DENGAN KERJASAMA YAYASAN AS-SOFA SECARA DALAM TALIAN

- 30 September 2021

LAPORAN TAHUNAN 2021



AGIHAN CENDERAHATI DI BALAI
BERITA SHAH ALAM

- 9 September 2021



AGIHAN CENDERAHATI DI SRI PENTAS

- 8 September 2021



AGIHAN CENDERAHATI DI BALAI BERITA
KUALA LUMPUR



- 7 September 2021

LAPORAN TAHUNAN 2021

PROGRAM INFaq BARANGAN ASAS KEPADA PERSATUAN

KEBAJIKAN PEMILIK
HARTANAH KG SG BARU

- Julai 2021



PROGRAM PEMBERIAN BAUCER LOTUS KEPADA PELANGGAN AR-RAHNU

- 1 Julai 2021





**AGIHAN TEMPAHAN DAGING
SEMPENA AIDILFITRI 2021 DI
BALAI BERITA KUALA LUMPUR
DAN SRI PENTAS**

- 11 Mei 2021



LAPORAN TAHUNAN 2021



**SESI PERKENALAN DENGAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
NSTP, EN MUSTAPHA KAMIL BIN MOHD JANOR**

- 11 Mei 2021





SUMBANGAN MAJLIS BERBUKA PUASA KEPADA PENGERUSI SURAU AN-NUR NSTP SHAH ALAM, TUAN HJ ZAIPONIZAM HAMZAH OLEH WAKIL KOPERASI EN AHMAD NIZAM EUSOF

- 3 Mei 2021

SUMBANGAN MAJLIS BERBUKA PUASA DI SRI PENTAS KEPADA WAKIL SURAU SRI PENTAS MERANGKAP PERWAKILAN KOPERASI NSTP IAITU ALLAHYARHAM TUAN HAJI ZUL FAKHRI. SUMBANGAN DISERAHKAN OLEH WAKIL KOPERASI, EN RAHIM LLIN

- 3 Mei 2021



LAPORAN TAHUNAN 2021



**AGIHAN JUADAH BERBUKA PUASA
KEPADА STAF NSTP BANGSAR, KUALA
LUMPUR OLEH PUAN RODZIAH
PENGURUS BESAR KOPERASI NSTP
(MALAYSIA) BERHAD.**

- 3 Mei 2021





PEMBUKAAN SAVILLE EKSPRESS (POS LAJU) DI SAVILLE KAJANG

- 1 Februari 2021 -



PROGRAM LATIHAN DARI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKM) YANG DIHADIRI OLEH WARGA KERJA KOPERASI NSTP

- Mac 2021



LAPORAN TAHUNAN 2021

PENGERUSI KNSTP DI SALURAN NASIONAL
FM, 9.53 MHZ

- 29 Januari 2021



BERSAMA DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH HAJI ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA



HADIR SELAKU JURUCAKAP ANGKASA NEGERI WP DAN PERWAKILAN DI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA 2021 (MAPA) DI AUDITORIUM UNGKU AZIZ, KELANA JAYA.

- 13 November 2021



**BERSAMA EN JAAFAR AHMAD,
PENGARAH SKM WP**

NOTIS & AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 akan diadakan pada **Sabtu, 13 Ogos 2022** jam **8.30 malam** di **Bilik Mesyuarat, Hatten Hotel, Jalan Merdeka, Bandar Hilir, 75000 Melaka.**

AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53.
2. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 yang harus terdiri daripada:
Empat (4) - Anggota Lembaga Enam (6) - Perwakilan
3. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
4. Menerima dan meluluskan:
 - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2021.
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sessi 2021/2022.
 - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.
 - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2020.
5. Menimbang pembayaran dividen seperti disyorkan oleh Lembaga.
6. Menerima dan meluluskan Aturan Skim Simpanan Khas.
7. Mengesahkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2023.
8. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2022 dari senarai berikut :-
 - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
 - ii) Kamal Zahari & Co
 - iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
 - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia)
9. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
10. Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
11. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54.



ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
22 Julai 2022

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE – 53

TARIKH : 21 NOVEMBER 2021 (16 RABIULAKHIR 1443H)

MASA : 9.30 PAGI – 1.00 TENGAHARI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT
PREMIERA HOTEL, MENARA MARA
232, JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN
50100 KUALA LUMPUR

HADIR

Pengerusi : Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
Setiausaha : Sdr. Zulfakar Wahib
Bendahari : Sdr. Abdul Rahim Llin
Penolong Setiausaha : Sdr. Baharuddin Ishak
Penolong Bendahari : Sdr. Mohamad Anis Abdullah
Anggota Lembaga : Sdr. Ahmad Shukran Haji Mohamed Salleh
: Sdr. Khairuzzaman Mohamed
: Sdr. Salehudin Shah Shabudin
: Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof
: Sdr. Kamarulzaman Pid
: Sdr. Khairi Abdul Khalid
: Sdr. Fazleesham Mohd Yunus

Perwakilan : 28 orang (rujuk senarai kehadiran)

TURUT HADIR

Penolong Pengarah : En. Mohd Aliff Redzuan Azman
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

Pengurus Besar : Pn. Rodziah Jama'ah

Kakitangan : 7 orang (rujuk senarai kehadiran)

TIDAK HADIR

Perwakilan : 1 orang (rujuk senarai kehadiran)

KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles (n.a 10044) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan tetamu kehormat iaitu En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah, SKM Wilayah Persekutuan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53 yang berlangsung di Premiera Hotel, Kuala Lumpur.

BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) membacakan doa selamat.

NYANYIAN LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu-lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

UCAPAN PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Saya bersyukur ke-hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinNya, sekali lagi dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53.

Mesyuarat kali ini dijalankan mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN Fasa 4. Dalam situasi pandemik, koperasi diberi pilihan oleh SKM untuk mengadakan mesyuarat agung secara atas talian atau bersemuka. Mesyuarat Lembaga telah memutuskan ianya diadakan secara bersemuka bagi membolehkan Anggota Lembaga berpeluang mendekati para perwakilan. Pada tahun ini, mesyuarat diadakan di Kuala Lumpur secara sederhana bagi mengawal perbelanjaan disamping mematuhi arahan SKM iaitu diadakan selewat-lewatnya 31 Disember 2021.

KNSTP tidak terlepas dari terkesan oleh pandemik Covid-19 yang melanda semenjak Mac 2020 dimana operasi perniagaan keseluruhannya dibatasi oleh SOP yang ketat dan perlu mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa.

Walaubagaimanapun, barisan Anggota Lembaga dan pengurusan KNSTP telah berusaha bersungguh-sungguh memastikan KNSTP tidak terjejas sepenuhnya dan masih mampu memberi perkhidmatan terbaik kepada anggotanya.

Pendapatan KNSTP bagi tahun 2020 merosot sebanyak RM244,165 iaitu tujuh peratus (7%) berbanding tahun 2019. Faktor utama adalah disebabkan penurunan pendapatan dari aktiviti utama iaitu pembiayaan kepada anggota. Sehingga kini, KNSTP masih lagi menghadkan pengeluaran pembiayaan pada anggota. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana masih dalam proses membayar balik caruman anggota yang berhenti disebabkan penstrukturran semula syarikat Media Prima Berhad.

Model perniagaan kredit yang dilaksanakan oleh KNSTP sebelum ini menggunakan potongan caruman bulanan anggota sebagai modal pusingan masih lagi digunakan. Oleh itu, pembayaran balik caruman anggota berhenti dan mengeluarkan caruman mereka, ternyata menjelaskan aliran tunai dan seterusnya pendapatan koperasi.

Koperasi bagaikan bergerak melalui kesepakatan sebagai sebuah keluarga. Berasaskan tujuh (7) prinsip, koperasi perlu diperkuatkan lagi di kalangan anggota untuk terus memberi perkhidmatan terbaik demi pembangunan sosio-ekonomi anggota dan masyarakat.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Usaha mengaktifkan aktiviti perniagaan lain di dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu disebabkan pandemik Covid 19 perlu mendapat sokongan dari semua pihak termasuk seluruh anggota KNSTP. Pelbagai kelebihan mampu dinikmati sekiranya gerakan koperasi bersatu hati dan saling membantu antara satu sama lain.

Anggota sebenarnya berupaya mencorakkan semula ekonomi dengan melibatkan diri sebagai satu kuasa belian berpotensi bagi memperkuatkannya aktiviti perniagaan. Sebagai contoh : perbaharui insuran kenderaan, belian barang asas seperti beras, gula dan lain-lain. Walaupun nilai tidak seberapa, tetapi, mampu menjana pendapatan pada jangka masa panjang.

Terima kasih kepada SKM WP diatas sokongan dan bantuan yang dihulurkan iaitu bantuan ‘Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat’ yang bertujuan menangani masalah sara hidup di kalangan anggota.

KNSTP telah merancang Pelan Pemerkasaan Jangka Masa Pendek yang bermatlamat untuk menjadi panduan bagi menghadapi fasa pemulihan. Pelan merangkumi empat (4) tindakan utama iaitu :-

- a) Memperkuatkannya;
- b) Reformasi perniagaan;
- c) Penstrukturkan semula; dan
- d) Melonjakkan perniagaan.

Anggota Lembaga akan memastikan pelan pemulihan tercapai dengan menggariskan fokus utama iaitu keanggotaan dan memperkuatkannya koperasi. Diharap, dalam tempoh tiga (3) tahun, masalah akan dapat diatasi dan prestasi koperasi akan berada di tahap yang lebih baik.

Sebagaimana termaktub dalam UUK Fasal 37 Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga, empat (4) Anggota Lembaga akan mengosongkan jawatan. Sehingga tarikh akhir penamaan calon, hanya empat (4) calon yang telah menyerahkan borang. Maka, keempat-empat calon tersebut bakal diisyiharkan menang tanpa bertanding.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia, En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP (M) Berhad. Penghargaan juga kepada En Jaafar Ahmad dan En. Mohd Aliff Redzuan Azman dari SKM WP di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Selain itu, setinggi penghargaan kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung dibawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53.

UCAPAN PENOLONG PENGARAH SKM WILAYAH PERSEKUTUAN

En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan yang hadir terutama Anggota Lembaga koperasi.

Petikan daripada ucapan Penolong Pengarah SKM :

Salam takzim dari En Jaafar Ahmad, Pengarah SKM WP kerana tidak dapat hadir pada pagi ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan Anggota Lembaga dan Pengurusan KNSTP kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan ke-53. Begitu juga kepada para pewakilan yang memastikan seksyen 35 Akta Koperasi 1993 dipatuhi iaitu mengadakan mesyuarat agung bagi setiap tahun kewangan berakhir.

Bagi melancarkan mesyuarat, disarankan agar semua perwakilan menjaga SOP yang telah ditetapkan bagi mengekang penularan Covid-19.

Mesyuarat agung merupakan platform tertinggi dalam entiti koperasi. Oleh itu, para perwakilan perlu menggunakan platform ini untuk menyemak atau mengetahui status terkini koperasi terutama berkaitan perniagaan yang diceburi.

Dalam era pandemik, koperasi dinasihatkan untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan menceburilidang baru dengan kajian yang terperinci.

Secara keseluruhannya, gerakan koperasi di Malaysia kurang terkesan berbanding entiti syarikat di luar sana. Ini kerana koperasi didokong oleh para anggota dan perwakilan dan tidak mempunyai perbelanjaan kakitangan yang tinggi.

Sebagai contoh, sebuah koperasi di Pantai Timur yang menjalankan perniagaan kedai dan kilang emas. Walaupun perniagaan ini merupakan satu perniagaan yang berisiko tinggi, tetapi dalam keadaan pandemik yang sedang melanda, kedai emas dan Ar-Rahnu masih mendapat sambutan menggalakkan. Mungkin kebanyakan penduduk di Pantai Timur, ramai yang mempunyai kedai dan adalah lumrah orang bermiaga, jika terdapat wang lebih, mereka akan membeli barang kemas supaya mudah untuk dicairkan sebagai modal perniagaan akan datang.

Semua perwakilan perlu menyokong dan membantu mencerahkan idea dan keringat kepada pimpinan KNSTP supaya dapat berkembang maju pada masa akan datang.

Akhir kata dengan lafadz Bismillahirahmanirrahim, saya mewakili Pengarah SKM WP merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi NSTP (M) Berhad kali ke-53 ini.

PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT

Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles (n.a 10044) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa “Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.” Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 ini.

KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) “Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan”. Keseluruhan perwakilan adalah empat puluh (40) orang. Maka, satu pertiga (1/3) dari empat puluh (40) orang adalah empat belas (14) orang. Kehadiran pada hari ini adalah tiga puluh sembilan (39) orang iaitu seorang tidak dapat hadir iaitu Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a 9630). Berdasarkan kehadiran, ianya telah melebihi dari korum yang diperlukan, maka, mesyuarat boleh dijalankan.

PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua (2) pencatat minit. Beliau mencadangkan dua (2) pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama’ah (n.a 6768) dan Pn. Azlina Ibrahim (n.a 6656) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

Keputusan : Pemilihan dua (2) pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53 dicadang dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan perlantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 dimulakan.

DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

AGENDA 1 : MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-52

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52. (Rujuk Laporan Tahunan 2020 muka surat 26 – 42). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Keputusan : Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52 disahkan dengan cadangan oleh Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

AGENDA 2 : **MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAFT MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53 YANG TERDIRI DARIPADA :-**
EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA
ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN

Pengerusi mencadangkan supaya agenda 11 di notis diawalkan. Ini kerana, semua jawatankuasa yang dilantik perlu peka dengan perjalanan keseluruhan mesyuarat.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 adalah seperti berikut :-

Cadangan pertama	: Sdr. Mohd Jufri Mahamud	(n.a 9760)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin	(n.a 10117)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Rizal Shaari	(n.a 8772)
Cadangan kedua	: Sdr. Hj Shukor Hj Othman	(n.a 2502)
Dicadang oleh	: Pn. Dauza Umat	(n.a 4886)
Disokong oleh	: Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Cadangan ketiga	: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)
Dicadang oleh	: Sdr. Khairul Shamsol Osman	(n.a 7402)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Cadangan keempat	: Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin	(n.a 10117)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Rizal Shaari	(n.a 8772)
Cadangan kelima	: Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Jufri Mahamud	(n.a 9760)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail	(n.a 4995)
Cadangan keenam	: Pn. Dauza Umat	(n.a 4886)
Dicadang oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong oleh	: Sdr. Zaipon izam Hamzah	(n.a 5968)

Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660) bertanya, adakah dibenarkan Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman menerima jawatan menentusah minit AGM ini.

Pengerusi menjelaskan bahawa ianya adalah dibenarkan.

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menutup pencalonan dan melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-53.

**AGENDA 3 : PEMILIHAN
EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN**

Setiausaha memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

- | | |
|-----------------------------------|------------|
| 1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani | (n.a 6456) |
| 2. Sdr. Baharuddin Ishak | (n.a 6514) |
| 3. Sdr. Kamarulzaman Pid | (n.a 5935) |
| 4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof | (n.a 8485) |

SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi hanya menerima empat (4) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

- | | |
|-----------------------------------|------------|
| 1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani | (n.a 6456) |
| 2. Sdr. Baharuddin Ishak | (n.a 6514) |
| 3. Sdr. Kamarulzaman Pid | (n.a 5935) |
| 4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof | (n.a 8485) |

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

Keputusan : Oleh kerana, hanya empat (4) calon sahaja yang bertanding. Maka, kesemua calon di atas adalah menang tanpa bertanding.

PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN & BACAAN IKRAR

En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan menyerahkan sijil perlantikan kepada mereka.

Empat (4) Anggota Lembaga sesi 2021/2024 yang baru dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan di akhir mesyuarat.

AGENDA 4 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2020

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2020. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coopmart
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial & Bisnes
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2020 (muka surat 43 - 66).

Sdr. Hj Shukor Hj. Othman (n.a 2502) merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Komersial & Bisnes muka surat 56 & 57. Beliau memohon kepastian berapa aset bangunan yang tiada penyewa dan berapa lama ianya tidak disewakan.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP mempunyai tiga (3) kedai pejabat & dua (2) kondominium seperti berikut :-

- a) Kondominium Nadi Bangsar – disewakan
- b) Kondominium Sri Tijanni - semasa membeli kondominium tersebut, pakej pembelian termasuk kontrak sewa selama dua tahun. KNSTP telah iklankan untuk disewa, namun, semenjak PKP, tiada penyewa. Pengurusan KNSTP merancang untuk menjadikan sebagai rumah inap. Cadangan ini memerlukan kelulusan dari pihak yang berkenaan terlebih dahulu.
- c) Kedai Pejabat Arena Mentari – operasi perniagaan Ar-Rahnu
- d) Kedai Pejabat di Bandar Seri Putera – ada tiga (3) tingkat. Tingkat bawah untuk perniagaan Ar-Rahnu & tingkat satu dan dua, disewakan.
- e) Kedai Pejabat di Saville Kajang – tingkat bawah untuk perniagaan penghantaran pos (Saville Kajang Express) dan tingkat atas disewakan.

Keputusan : Laporan Lembaga bagi Tahun 2020 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Pn. Dauza Umat (n.a 4886) dan disokong oleh Sdri. Salina Abdul Rahim (n.a 10390).

B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2020/2021

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2020 (muka surat 67 – 69).

Keputusan : Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2020/2021 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).

C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020. Rujuk Laporan Tahunan 2020 (muka surat 70 - 111).

Ringkasan keseluruhan prestasi kewangan adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	TAHUN 2020	TAHUN 2019	PENINGKATAN / (PENURUNAN)	PERATUS % NAIK / (TURUN)
Pendapatan	3,231,507	3,475,672	-244,165	-7%
Perbelanjaan	2,576,370	3,096,720	-520,350	-16.80%
Keuntungan Bersih	655,137	378,952	276,185	72.80%

PENDAPATAN

Sebab pendapatan menurun adalah seperti berikut :-

- a) Skim pembiayaan kepada anggota : anggota kurang dan permohonan skim pembiayaan jangka panjang dibekukan;
- b) Peruncitan : jualan buku menurun kerana buku tidak berjaya dijual sebab Kementerian Pendidikan memansuhkan peperiksaan UPSR & PT3;
- c) Pelaburan : hibah dari pelaburan Kopsya menurun sebab pelaburan dicairkan untuk kegunaan modal pusingan; dan
- d) Pengguna : seminar & acara tidak diadakan sebab PKP. Pengiklanan menurun sebabkekangan bajet dari syarikat luar sebab PKP.

Sebab pendapatan meningkat adalah seperti berikut :-

- a) Ar-Rahnu : perkhidmatan pajak gadai Islam mendapat sambutan baik walaupun dalam tempoh PKP.
- b) Lain-lain Pendapatan : Subsidi kerajaan (upah) diterima sebanyak RM102,600.

PERBELANJAAN

Pengurusan KNSTP mengawal perbelanjaan dan sebab perbelanjaan menurun adalah :-

- a) Kos jualan aktiviti runcit rendah : NSTP benarkan koperasi memulangkan buku yang tidak berjaya dijual;
- b) Belanja pengurusan harta tanah : tunggakan telah diselesaikan pada tahun 2019;
- c) Aktiviti Ar-Rahnu – moratorium dari Bank Rakyat selama 6 bulan. Koperasi memperolehi penjimatan sebanyak RM211,922;
- d) Elaun Lembaga Pengarah : Anggota Lembaga setuju mengurangkan elaun bulanan sebanyak RM100 bagi tempoh 3 bulan (April – Jun 2020);
- e) Perbelanjaan Kewangan : pembiayaan Kopsya telah selesai;
- f) Susut nilai Aset Tetap : ada pelupusan;
- g) Mesyuarat Agung : Belanja mesyuarat agung menurun dari RM59,553 ke RM32,394 walaupun adanya mesyuarat agung kawasan;
- h) Gaji dan Perbelanjaan kakitangan : kawalan perbelanjaan; dan
- i) Lain-lain Perbelanjaan : belanja kursus & seminar turun sebab semasa PKP, kursus diadakan secara atas talian, maka, tiada kos terlibat.

Kesimpulan, walaupun pendapatan menurun, pengurusan KNSTP berjaya mengawal perbelanjaan dan menggunakan subsidi kerajaan serta moratorium dari bank bagi tujuan mengekalkan prestasi kewangan dan memastikan anggota mendapat dividen.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Dengan keuntungan bersih RM655,137, Anggota Lembaga mencadangkan

- a) Pemberian dividen sebanyak tiga peratus (3%) atas modal yuran & modal syer. Amaun dividen yang akan dibayar adalah RM449,488;
- b) Tabung Perlindungan Pembiayaan : RM55,000; dan
- c) Tabung Kebajikan Am : RM50,000.

Keputusan : Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Hj Shukor Hj Othman (n.a 2502).

D) PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Pengerusi membentangkan Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2019. Rujuk Laporan Tahunan 2020 (muka surat 114 - 116)

Justifikasi dan tindakan pihak pengurusan adalah seperti berikut:-

- (a) Penghantaran Borang Cukai Pendapatan Koperasi

Maklum balas / Justifikasi pengurusan

Fail LHDN dan dokumen kiraan cukai disediakan oleh agen pengiraan cukai yang dilantik dan dihantar setiap tahun kepada LHDNM. Koperasi akan simpan salinan borang dan dokumen penerimaan untuk tujuan rekod dan simpanan.

LAPORAN TAHUNAN 2021

b) **Pelbagai Penghutang (Nota 13)**

Maklum balas / Justifikasi pengurusan

- Kurangan lelongan RM352,338 – amaun tinggi sebab penghutang gadaian tidak membuat pembayaran di premis. Langkah menelefon penghutang tersebut mula dilaksanakan pada tahun 2021.
- Pelbagai siberhutang sebanyak RM666,440 – amaun penghutang sebab salah laku kakitangan. Peruntukan hutang rugu akan dibuat untuk tempoh 7 tahun.
- Pelbagai penghutang FIS Data Link RM84 – telah disemak dan akan buat pelarasan pada akaun kewangan 31/12/2021.
- Pendahuluan Ar-Rahnu Dataran Mentari RM60,053 – akan semak dan buat pelarasan pada akaun kewangan 31/12/2021.
- Pendahuluan Ar-Rahnu Bandar Seri Putra RM3,219 – akan semak dan buat pelarasan pada akaun kewangan 31/12/2021. Pengurusan akan lebih berhati-hati dimasa akan datang.

c) **Laporan Pengurusan Juruaudit**

Maklum balas / Justifikasi Pengurusan

Akan mengambil tindakan sewajarnya.

Pn Dauza Umat (n.a 4886) meminta pengurusan KNSTP mengambil serius dengan teguran dan pandangan yang diberikan oleh SKM terutama perkara (b) kerana, teguran yang sama dikeluarkan bagi tahun kewangan 2018.

Keputusan : Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2019 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Pn. Dauza (n.a 4886) dan disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).

AGENDA 5 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan Lembaga mengesyorkan kadar dividen adalah seperti berikut :-

- a) Tiga peratus (3.0%) atas modal yuran anggota; dan
- b) Tiga peratus (3.0% atas modal syer anggota pada 30 Jun 2020).

Keputusan : Cadangan anggota lembaga iaitu pemberian dividen dengan kadar peratus di atas diterima dan diluluskan atas cadangan Sdri. Salina Ibrahim (n.a 10390) dan disokong oleh Pn. Dauza Umat (n.a 4886).

AGENDA 6 : MENGESEHKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI NSTP

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mengesyorkan Pindaan Undang-undang Kecil untuk Fasal seperti berikut :-

a) Fasal 2 Tafsiran

Keluarga – termasuk ahli keluarga lebih umum bagi anak-anak iaitu yang berumur 18 tahun dan ke atas.

b) Fasal 22 Menarik Diri

Fasal “Seseorang anggota yang meletak jawatan daripada mana-mana syarikat dinyatakan dibawah fasal (1) Undang-undang Kecil 11, dikehendaki memberi notis satu bulan untuk menamatkan keanggotaan” – dimansuhkan.

Pengerusi menjelaskan bahawa notis anggota berhenti adalah setahun dan dalam tempoh tersebut, anggota masih layak menerima semua manfaat yang ditawarkan oleh koperasi seperti Anugerah Kecemerlangan, Khairat Kematian dan sebagainya.

Rujuk Buku Lampiran (muka surat 1).

Beliau menjelaskan bahawa pindaan Undang-undang Kecil akan dihantar ke SKM untuk penilaian dan kelulusan.

Keputusan : Pindaan Undang-undang Kecil telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a.1979) dan disokong oleh Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh (n.a 8771).

AGENDA 7 : **MENERIMA DAN MELULUSKAN**

a) ATURAN SKIM PEMBIAYAAN SARA HIDUP

Pengerusi membentangkan Aturan Skim Pembiayaan Sara Hidup. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 2).

Skim pembiayaan ini diwujudkan semasa tempoh PKP. Ini bertujuan untuk membantu anggota yang menghadapi masalah kewangan bagi tujuan perbelanjaan harian. Pengurusan berharap skim ini dapat membantu mengurangkan beban anggota.

b) PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN ANGGOTA, KAKITANGAN KONTRAK, RAKAN NIAGA, AKTIF SAMBUNG & AHLI KELUARGA

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Anggota dari kategori Kakitangan Kontrak, Rakan Niaga, Aktif Sambung & Ahli Keluarga. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 15).

Anggota dari kategori ini layak memohon semua skim pembiayaan, namun tertakluk kepada modal yuran & modal syer di koperasi. Pembayaran balik pembiayaan bagi kakitangan kontrak adalah sehingga tarikh kontrak tamat.

c) PROSIDUR ANGGOTA BERHENTI

Pengerusi membentangkan Prosidur Anggota Berhenti. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 4).

Tujuan prosidur dibuat adalah untuk memudahkan pihak pengurusan menjelaskan kepada anggota yang menghantar borang penamatan sebagai anggota. Anggota berhenti untuk kategori (b) adalah berisiko kerana anggota meninggalkan baki pembiayaan.

d) ATURAN SKIM PERLINDUNGAN DIRI & KELUARGA

Pengerusi membentangkan Aturan Skim Perlindungan Diri & Keluarga. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 5 – 6).

Aturan ini membolehkan koperasi mewajibkan semua anggota untuk mencarum dalam Skim Berkelompok dibawah kendalian koperasi dengan syarikat Takaful yang terpilih. Penyertaan dari anggota untuk skim ini sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan beban waris apabila anggota meninggal dunia.

Keputusan : Pn Dauza Umat (n.a 4886) mencadangkan

- a) Aturan Skim Pembiayaan Sara Hidup;
- b) Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Anggota dari kategori Kakitangan Kontrak, Rakan Niaga, Aktif Sambung & Ahli Keluarga;
- c) Prosidur Anggota Berhenti; dan
- d) Aturan Skim Perlindungan Diri & Keluarga yang dibentangkan diterima dan diuluskan. Cadangan disokong oleh Sdr. Salina Abdul Rahim (n.a 10390).

LAPORAN TAHUNAN 2021

- AGENDA 8 : MENGESAHKAN**
- a) **PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2021**
- b) **ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2022**
- Bendahari membentangkan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2021 dan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2022. Rujuk Laporan Tahunan 2020 muka surat 112 – 113.
- Keputusan : Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2021 dan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2022 telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660).
- AGENDA 9 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2021**
- Pengerusi memaklumkan bahawa Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2021 adalah Kamal Zahari & Co. Senarai nama Juruaudit Luar yang tersenarai dalam notis adalah seperti berikut :-
- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
 - ii) Kamal Zahari & Co
 - iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
 - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad
- Keputusan : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya Anggota Lembaga diberikan hak untuk memutuskan perlantikan Juruaudit Luar Koperasi yang bertauliah bagi tahun 2021. Ini kerana pengurusan lebih arif untuk meneliti kriteria yang sesuai termasuk memastikan pengauditan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Cadangan ini disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).
- AGENDA 10 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA**
- Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) memohon kepastian, adakah koperasi meminjam keseluruhan RM300,000,000. Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP tidak menggunakan keseluruhan RM300,000,000 yang dipohon. Lembaga akan meminjam wang mengikut kegunaan dan keperluan.
- Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).
- AGENDA 11 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI**
- Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Mohd Rizal Shaari (n.a 8772).

AGENDA 12 : MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARikh MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima enam (6) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Usul.

Mesyuarat menerima ulasan yang diberikan oleh Anggota Lembaga dengan tambahan penjelasan seperti berikut :-

Usul Pertama : Anggota yang memperbaharui insurans kenderaan secara whatsapp, pembayaran online – tidak hadir secara fizikal di kaunter coop, Apakah tidak layak untuk mendapat baucar RM5? Cadangan saya untuk baucar ini dikreditkan ke akaun simpanan anggota “as they also entitle to get it”

Setiausaha memaklumkan bahawa semua anggota yang memperbaharui insurans kenderaan akan mendapat baucar tersebut. Sekiranya dikreditkan dalam simpanan, anggota tidak dapat membeli di Coopmart dan seterusnya pemulangan semula kepada KNSTP tidak akan wujud. Selain itu, baucar tersebut boleh dikumpulkan dalam tempoh setahun.

Usul Kedua : Pembayaran balik kepada anggota berhenti, dicadangkan a) RM30,000 kebawah – dibuat dalam tempoh 3 bulan b) RM30,000 – RM50,000 : dalam 6 bulan c) melebihi RM50,000 : dalam setahun

Setiausaha menjelaskan bahawa pembayaran balik caruman akan diseragamkan kepada satu tahun.

Usul Ketiga : Mencadangkan pihak koperasi untuk melaksanakan skim “Car Rental” tanpa modal koperasi. Menggunakan konsep pajakan kenderaan daripada ahli koperasi sendiri. Cadangan keuntungan yang diperoleh oleh koperasi sekitar 20% - 30% tanpa modal

Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) memaklumkan bahawa ada aplikasi yang menawarkan kenderaan yang tidak digunakan dan daftar untuk disewakan. Tempahan dan pengesahan tempahan perlu dibuat terlebih dahulu. Anggaran keuntungan adalah 20% - 30%.

Sdri. Salina Abdul Rahim (n.a 10390) memaklumkan bahawa beliau pernah menjalankan perniagaan sewa kenderaan. Kos tinggi iaitu perbelanjaan selenggara kenderaan. Pemilik kenderaan pula sukar untuk memastikan kenderaan dalam keadaan baik.

Setiausaha menyatakan bahawa cadangan ini akan dipertimbangkan untuk dibincangkan di jawatankuasa yang berkaitan.

Usul Keempat : Bolehkah elauan perwakilan atau ALK ambil dalam 10% tukar ke baucar sekurang-kurangnya masuk dalam Coopmart

Perwakilan terima ulasan diberikan oleh Anggota Lembaga iaitu elauan merupakan elauan kerana tanggungjawab hadir mesyuarat jawatankuasa kecil, lembaga dan mesyuarat agung perwakilan.

Setiausaha juga memaklumkan bahawa ramai anggota menyokong Coopmart dengan membeli barang atas melalui program Infaq.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Usul Kelima : Mohon perwakilan aktif dalam membantu menaikkan prestasi koperasi. Contoh : kalau idea info dalam group

Setiausaha memaklumkan bahawa usul ini telah dilaksanakan iaitu semua perwakilan terbuka untuk memberi idea bagi tujuan meningkatkan prestasi koperasi.

Usul Keenam : Perbanyakkan promosi keanggotaan baru dan cari idea macam mana untuk tarik anggota. Contoh : beli barang melalui online atau call waktu balik kerja, baru ambil

Setiausaha memaklumkan bahawa usul telah dilaksanakan. a enam (6) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Usul.

CADANGAN / HAL-HAL LAIN

Sdr. Mohd Rizal Shaari (n.a 8772) meminta pengesahan, adakah semua anggota menyertai Skim Perlindungan Diri & Keluarga yang ditawarkan oleh KNSTP. Pengerusi memaklumkan bahawa masih ramai yang tidak sertai. Oleh yang demikian, KNSTP menyediakan aturan tersebut dan mewajibkan semua anggota menyertai. Skim ini adalah untuk kebajikan anggota dan keluarga.

Sdr. Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh (n.a 8176) meminta penerangan jelas berkenaan skim tersebut. Pengerusi memaklumkan bahawa Sdr Ridzwan Ahmad (n.a 6826) akan memberi penerangan berkenaan skim tersebut yang dinamakan Takaful Idaman kepada semua perwakilan selepas mesyuarat selesai..

Sdr. Hj Shukor Hj Othman (n.a 2502) mengesyorkan supaya semua perwakilan menarik minat ahli keluarga iaitu pasangan dan anak untuk menjadi anggota koperasi. Dengan ini, secara tidak langsung, ianya akan mempromosikan Skim Takaful Idaman.

Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) meminta penjelasan tentang syarat pengeluaran caruman. Beliau ketahui sebab pengeluaran yang dibenarkan adalah penyakit, pendidikan dan peribadi. Pengerusi menjelaskan bahawa pengeluaran dibenarkan untuk tiga (3) sebab iaitu perubatan, beli rumah atau kontra pembiayaan di koperasi. Manakala, bagi anggota ‘aktif sambung’, dibenarkan untuk membuat pengeluaran maksima tiga (3) kali dalam setahun.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) berharap semua perwakilan dapat mengambil bahagian dalam mesyuarat.

Sdr. Kamarulzaman Salleh (n.a 8771) mendapati perniagaan Ar-Rahnu dan jualan barang kemas merupakan perniagaan yang bagus. Oleh itu, pengurusan KNSTP perlu merebut peluang dengan sebaik mungkin.

KOMEN DAN SARANAN PEGAWAI SKM

En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa tanggungjawab Anggota Lembaga adalah untuk memastikan perjalanan koperasi berjalan dengan lancar. Pelan perancangan jangka panjang perlu disediakan dan pelbagai aktiviti dengan aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa menyokong dengan memberi kemudahan berupa Tabung Modal Pusingan iaitu pembiayaan khas untuk koperasi yang “Good Pay Master” dan “100 Koperasi Terbaik”. Beliau berharap KNSTP akan lebih berjaya dimasa akan datang.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri mesyuarat, Pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-

EN. MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP (M) Berhad;
EN. JAAFAR AHMAD, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan;
EN. MOHD ALIFF REDZUAN AZMAN, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan dan
KAMAL ZAHARI & CO, Juruaudit Luar Koperasi di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD,
KUMPULAN MEDIA PRIMA BERHAD;
SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD;
ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BERHAD;
MALAY MAIL SDN BHD dan
MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD
yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

semua **ANGGOTA;**
ANGGOTA LEMBAGA;
AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN;
PERWAKILAN dan
KAKITANGAN KOPERASI
serta orang perseorangan yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 ditangguhkan jam 1.00 tengahari.

DISEDIAKAN OLEH


RODZIAH JAMA'AH
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53









AZLINA IBRAHIM
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53

DISEMAK OLEH :


ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53

LAPORAN TAHUNAN 2021

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke - 53 , yang diadakan pada hari Ahad, 21 November 2021 mulai jam 9.30 pagi di Bilik Mesyuarat, Premiera Hotel, Menara MARA, 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur; telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada Isnin, 13 Disember 2021 jam 12.30 tengahari bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Salehudin Shah Shabudin	Anggota Lembaga	4488	
2.	Khairi Abdul Khalid	Anggota Lembaga	8212	
3.	Ahmad Shukran Haji Mohamed Salleh	Anggota Lembaga	5222	
4.	Mohamad Anis Abdullah	Pen. Bendahari	6619	
5.	Mohd Jufri Mahamud	Perwakilan	9760	
6.	Hj. Shukor Hj. Othman	Perwakilan	2502	
7.	Ahmad Nizam Eusoff	Perwakilan	5660	
8.	Mohd Rizan Akmar Taharuddin	Perwakilan	10117	
9.	Mohd Firdaus Mohd Ali	Perwakilan	9370	
10.	Dauza Umat	Perwakilan	4886	

KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53











SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-53

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD






TEMPAT : BALLROOM 2, PREMIERA HOTEL, MENARA MARA, 232,

JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, 50100 KUALA LUMPUR

TARIKH : AHAD, 21 NOVEMBER 2021 MASA : 9.30 PAGI

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
ANGGOTA LEMBAGA			
1	Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani	6456	
2	Zulfakar Bin Wahib	3220	
3	Abdul Rahim Bin Llin	5261	
4	Mohammad Anis Abdullah	6619	
5	Baharuddin Bin Ishak	6514	
6	Ahmad Shukran bin Mohamed Salleh	5222	
7	Khairuzzaman Hj Mohamad	4915	
8	Salehudin Shah Shabudin	4488	
9	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	
10	Kamarulzaman Bin Pid	5935	
11	Khairi Abdul Khalid	4886	
12	Fazleesham Bin Mohd Yunus	4270	
JAWATANKUASA AUDIT DALAM			
13	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
14	Ahmad Nizam Bin Eusoff	5660	
15	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	
16	Mohamad Bin Yahya	6786	
17	Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh	8176	
PERWAKILAN			
18	Abd Rahim Desa	6639	
19	Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir	6687	
20	Adzriefaiz Bin Adzlan	9630	
21	Dauza Umat	4886	

LAPORAN TAHUNAN 2021







BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
22	Hj Shukor Hj. Othman	2502	
23	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	
24	Khairul Shamsol Bin Osman	7402	
25	Mohamad Yazid Bin Yahya	9965	
26	Mohamed Zulfkifli Bin Sulaiman	9839	
27	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali	9370	
28	Mohd Jufri Bin Mahamud	9760	
29	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	
30	Mohd Rizal Bin Shaari	8772	
31	Muhammad Asyadi B Omar	7692	
32	Muhammad Zaim Bin Remali @ Ramli	9670	
33	Rajaendran a/l Ramasamy	3573	
34	Roslan Baharuddin	1979	
35	Salina Binti Abdul Rahim	10390	
36	Shahrul Bin Sahat	8168	
37	Thanarajan a/l S. Dorairaj	4018	
38	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	
39	Zolkefli Hamzah	3953	
40	Zulkharnain B Abdul Rasid	5772	

TURUT HADIR

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN

41	Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah	
----	---	---

KAKITANGAN

46	Rodziah Binti Jama'ah	6768	
47	Ridzwan Bin Ahmad	6826	
48	Amir Mat Kupli @ Kupli	6827	
49	Azlina Ibrahim	6656	
50	Noorhazifah Binti Mohd Aminoor	10179	
51	Mohd Fakhri Abdul Koles	10044	
52	Azrin Zulfakar		

LAPORAN LEMBAGA 2021

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukatanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada En. Jaafar bin Ahmad, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan serta En Aliff Redzuan, Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada KNSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

PENGURUSAN KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengurusan KNSTP terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan lapan belas (18) kakitangan. KNSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat dan penghantaran pos laju.

Kakitangan KNSTP turut terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu :-

- a) Unit Pentadbiran (Modal Insan, Penggajian, Pentadbiran, Keanggotaan, IT dan Sistem, Perhubungan Awam, Komunikasi, Pengurusan Hartanah / Bangunan, Kutipan Siber hutang & Litigasi)
- b) Unit Kewangan (Pembayaran, Pembiayaan Berjangka, Pelaburan, Kutipan & Terimaan)
- c) Unit Operasi (Pembiayaan, Skim Perlindungan, Coopmart, Kiosk, Bisnes atas talian, Pengurusan Risiko, Saville Kajang, Pemasaran Produk & Khidmat Pelanggan)
- d) Unit Ar-Rahnu (Operasi Ar-Rahnu Dataran Mentari & Bandar Seri Putra, Strategi Pemasaran & Komunikasi dengan Francisor).

Bagi tujuan melancarkan operasi dan memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan Koperasi NSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2021 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2021.

LAPORAN TAHUNAN 2021

MESYUARAT AGUNG KAWASAN

Mesyuarat Agung Kawasan telah diadakan pada Jun & Julai 2022 di setiap zon bagi tujuan pemilihan perwakilan untuk hadir Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54 & Ke-55. Butiran tarikh dan tempat adalah seperti di Lampiran A.

Senarai perwakilan yang dipilih adalah seperti di Lampiran B.

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

(Januari 2021 sehingga Disember 2021)

Bagi tahun 2021, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 14 kali. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut :-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	14	14	-	100%
Zulfakar Wahib	14	14	-	100%
Abdul Rahim Llin	14	14	-	100%
Baharuddin Ishak	14	14	-	100%
Mohamad Anis Abdullah	14	13	1	93%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	14	14	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	14	13	1	93%
Salehudin Shah Shabudin	14	14	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	14	14	-	100%
Kamarulzaman Pid	14	13	1	93%
Khairi Abd Khalid	14	14	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	14	14	-	100%

KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI

(Januari 2021 sehingga Disember 2021)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Zulfakar Wahib	24	24	-	100%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
Baharuddin Ishak	24	24	-	100%
Mohamad Anis Abdullah	24	18	6	75%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	24	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	24	23	1	96%
Salehudin Shah Shabudin	24	24	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	21	3	87%
Kamarulzaman Pid	24	23	1	96%
Khairi Abd Khalid	24	24	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	24	24	-	100%
Kamarulzaman Salleh	12	12	-	100%

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepetimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2021.

PENUTUP

Walaupun, pandemik Covid-19 melanda, pengurusan KNSTP sangat bersyukur di atas kejayaan yang dicapai. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya ingin memberi keyakinan bahawa segala usaha akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan keupayaan KNSTP dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendarat. Pihak Anggota Lembaga akan memastikan segala dasar, strategi dan usaha yang dirancang adalah bertepatan dengan kehendak Akta Koperasi dan juga seimbang dengan kehendak anggota.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota, Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta kakitangan, KNSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN, PENTADBIRAN, PENGURUSAN HARTANAH & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Abdul Rahim Llin
Ahli	:	Khairuzzaman Mohamed
	:	Khairi Abdul Khalid
	:	Salehudin Shah Shabudin
	:	Azlina Ibrahim
	:	Nazirah Abd Manap
	:	Noorhazifah Mohd Aminoor

OBJEKTIF

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan KNSTP supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan kakitangan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
4. Memaksimumkan sumber KNSTP samada sumber manusia maupun kemudahan yang ada.
5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.
6. Pengurusan hartanah secara efektif.

SERI TJANNI
Tujuan, Tujuan, Tujuh

LAPORAN BAGI TAHUN 2021

1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

2) PENTADBIRAN

BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, Koperasi telah membeli aset tetap seperti berikut :-

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan			
1	12/01/2021	Huawei T5 Mediapad 3+32GB & Holder	1,300.00
2	11/02/2021	3 unit kerusi eksekutif	540.00
3	19/02/2021	Kabinet 3 laci – Coopmart Glenmarie	69.00
4	19/02/2021	Bangku bar 360 degree – Saville Kajang	147.00
5	19/02/2021	Kabinet rendah berlaci-Saville Kajang	620.00
6	05/03/2021	Papan tanda (Tidak lampu) – Saville Kajang	980.00
7	30/03/2021	Mesin Binding - Saville Kajang	181.21
8	14/04/2021	2 unit Daikin 2.0 set penuh – ARX Dataran Mentari	7,460.00
9	14/04/2021	Pemasangan CCTV –Saville Kajang	1,200.00
10	19/04/2021	Kabinet warna Cherry – Saville Kajang	389.00
11	21/04/2021	Laptop HP 145 – Silver - Pengerusi	1,800.00
12	21/04/2021	Laptop Acer Aspire 3 - Azlina	1,699.00
13	19/05/2021	Kotak peti surat - Saville Kajang	2,300.00
14	20/05/2021	Rak Tangga 6 tingkat fail bergantung – Ar-Rahnu DM	2,775.00
15	21/05/2021	GBC Inspire Plus Laminator Machine	185.00
16	27/08/2021	Televisyen Philips (2 nd hand) Ar-Rahnu DM	250.00
17	11/11/2021	Plo Outdoor SMD LED Sistem – Saville Kajang	448.90
18	09/12/2021	Kerusi Teller (2 unit) & Pelanggan (3 unit) Ar-Rahnu DM	875.00
19	31/12/2021	Nokia C2 TA-1204 – Belian talian Red One percuma handphone	1.00
		JUMLAH	23,220.11

LAPORAN TAHUNAN 2021

3) PENGURUSAN HARTANAH

Bermula Februari 2021, hartaanah diuruskan oleh Unit pentadbiran

- a) Kondominium Servis Residensi Nadi Bangsar
Alamat : Lot 28-5 Nadi Bangsar Residensi, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur
Penyewa : Dr. Sharifah Suraya
- b) Kedai Pejabat 2 tingkat Saville Kajang, Kajang
Alamat : Lot G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor
Penghantaran pos laju – Koop NSTP

Alamat : Lot 01-10 Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor
Penyewa : ZS Cahaya Sdn Bhd
- c) Kondominium Sri Tijanni, Sungai Buloh
Alamat : Lot 12-09, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor
Penyewa : Tiada penyewa bermula Mac 2021
- d) Kedai Pejabat 3 Tingkat Bandar Seri Putra
Alamat : No 26 Jalan Seri Putra ½ Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor
Tingkat bawah : Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP
Penyewa tingkat 1 : Binaan Sri Jaya & Ocean Blue Network
Penyewa tingkat 2 : Quality Images
- e) Kedai Pejabat Arena Mentari Sunway
Alamat : A-G-1 Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46810 Petaling Jaya, Selangor
Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP

4) MODAL INSAN

KAKITANGAN

Perubahan peralihan tugas kakitangan telah bermula Februari 2021.

Pentadbiran/Pengurusan Hartanah

- a) Nazirah Binti Abdul Manap

Komersial Bisnes & Coopmart

- a) Ismadi Bin Ismail

Litigasi & Kutipan

- a) Azlina Binti Ibrahim

Kakitangan dilantik

Kakitangan kontrak yang bertugas di Ar-Rahnu X'Change Dataran Mentari

- a) Siti Saleha Binti Mohamad – 15 September 2021

Kakitangan Berhenti

- a) Anis Nadhirah Binti Mohd Isa
- b) Nur Azian Binti A'arip
- c) Zuliza Binti Jumai

Disebabkan pemberhentian Zuliza Jumai, terdapat kekosongan jawatan di unit Litigasi & Kutipan.
Dalam proses mendapatkan kakitangan baru, Nor Khairina menanggung tugas tersebut.

Kakitangan Pelatih

- a) Azrin Bin Zulfakar – Universiti Kuala Lumpur

SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN

a) Perubatan Kakitangan – RM1,500.00

Bagi kakitangan yang positif dan kontak rapat covid-19 perlu menjalani ujian kendiri. Oleh itu bayaran yang dikenakan tidak termasuk dalam peruntukan perubatan staf. Kos tersebut adalah tanggungan majikan.

SEMINAR DAN PELAJARAN

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan dalam Koperasi, setiap tahun, pengurusan koperasi akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga dan kakitangan koperasi NSTP sepanjang tahun 2021. Platform yang diikuti adalah secara online dan fizikal.

Sila lihat Lampiran C.

PENUTUP

ALHAMDULILLAH, tahun kedua dalam pasca pandemik Covid-19, KNSTP masih lagi berdaya maju dengan meneruskan berbelanja dan masih ada keuntungan pendapatan pada akhir tahun kewangan berakhir 2021 walaupun sedikit. Saya percaya dengan usaha semua pihak bermula dari Pengurusan, Kakitangan, ALK, Perwakilan dan semua anggota Isyaallah, KNSTP akan kembali menyinari seperti sebelum pandemik, Insyaallah.

Sekian.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



Abdul Rahim Bin Llin
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMBIAYAAN, KHIDMAT PELANGGAN & SKIM PERLINDUNGAN BAGI TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Mohammad Anis Abdullah
Ahli	:	Mohd Fadzil Abdul Ghani
	:	Mohammad Wafi Mohammad Aroff
	:	Ahmad Shukran Moahmed Salleh
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Nor Amiza Azizi

OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu anggota mengurangkan beban ekonomi yang semakin meningkat.
2. Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar maupun anggota koperasi.
3. Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat (“one stop centre”).

Oleh itu, jkk akan sentiasa :

- a) Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b) Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c) Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d) Memastikan anggota mendapat perlindungan insuran yang terbaik

LAPORAN BAGI TAHUN 2021

1) PEMBIAYAAN

- a) Laporan pembiayaan diberi dan dibayar balik adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2021.
- b) Pada tahun 2021, KNSTP telah menawarkan Skim Pembiayaan Jangka Panjang iaitu iaitu Skim Pembiayaan 70% atas caruman, Skim Pembiayaan Peribadi RM5,000 tanpa penjamin dan Skim Pembiayaan Barang Pengguna RM3000 tanpa penjamin.
- c) KNSTP tidak mengeluarkan pembiayaan dengan amanah yang besar bagi tujuan mengelakkan risiko "Non Performing Loan" di masa akan datang.
- d) Tumpuan diberi kepada Skim Pembiayaan Jangka Pendek yang berisiko rendah seperti pembiayaan kecemasan, tunai segera dan Insuran kenderaan dan cukai jalan.
- e) KNSTP juga telah membantu anggota yang tidak layak meminjam dan bayaran balik melalui potongan gaji dengan menawarkan Skim Pembiayaan Sara Hidup sebanyak RM1,000. Pembayaran balik untuk skim pembiayaan ini adalah ansuran melalui kaunter koperasi atau terus ke dalam akaun.

2) KHIDMAT PELANGGAN

- a) Pada tahun 2021, dalam tempoh PKP, KNSTP menggalakkan anggota memohon pembiayaan secara talian tanpa perlu hadir ke kaunter pembiayaan koperasi.
- b) Pemberitahuan berkenaan perkhidmatan sentiasa disampaikan menerusi whatsapp dan media-sosial KNSTP.
- c) Promosi perkhidmatan insurans dan cukai jalan diteruskan secara talian dan MYEG akan menghantar pelekat cukai jalan ke rumah anggota tanpa anggota perlu hadir ke KNSTP untuk mengambilnya.

3) PELAN SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL IDAMAN (TAKAFUL IKHLAS SDN BHD)

KNSTP telah mengadakan sesi taklimat secara atas talian kepada anggota menerusi Zoom Meeting. Bagi memudahkan anggota menyertai Skim Takaful Idaman, ianya boleh dilakukan pendaftaran secara online. Ini kerana, anggota tidak perlu hadir ke kaunter memandangkan keadaan pandemik. Di Mesyuarat Agung Perwakilan ke-53 pada 21 November 2021, mesyuarat telah bersetuju untuk mewajibkan semua anggota menyertai skim perlindungan ini. Tujuan adalah melindungi diri & keluarga sekiranya ada kematian dan hilang upaya kekal pada anggota.

4) PERANCANGAN PUSAKA, HIBAH DAN WASIAT DARI WASSIYAH SHOPPE

KNSTP telah mengadakan taklimat secara atas talian kepada anggota menerusi Zoom Meeting.

PENUTUP

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan menambahbaik mutu perkhidmatan terutama urusan dikauanter dan komunikasi dengan anggota terutama dalam keadaan yang mencabar seperti Pandemik Covid 19. Selain itu JKK telah bersedia dengan kaedah memohon pembiayaan jangka-panjang secara online sekiranya berlaku PKP di masa akan datang. Promosi berterusan akan dilaksanakan agar anggota sentiasa ketahui produk atau perkhidmatan yang disediakan. Dengan cara ini, anggota menjadi lebih peka dengan aktiviti KNSTP dan seterusnya KNSTP dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

MOHAMMAD ANIS ABDULLAH

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Zulfakar Wahib
Ahli	:	Baharuddin Ishak
	:	Ahmad Shukran Mohamed Salleh
	:	Fazleesham Mohd Yunus
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Azlina Ibrahim
	:	Zuliza Jumai
	:	Nor Khairina Leela Nasaruddin

PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.

LAPORAN BAGI TAHUN 2021

1) KUTIPAN

PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2020 & 2021:-

BULAN	2020	2021
JANUARI	20,838.68	9,513.37
FEBRUARI	7,104.20	18,531.62
MAC	6,790.24	46,711.69
APRIL	4,016.00	18,730.69
MEI	5,341.00	9,714.92
JUN	22,678.76	3,370.59
JULAI	23,853.52	2,752.90
OGOS	28,365.44	11,017.59
SEPTEMBER	26,408.47	10,489.02
OKTOBER	13,482.02	16,775.63
NOVEMBER	20,690.28	17,636.49
DISEMBER	18,077.92	8,587.20
JUMLAH	197,646.53	173,831.71

STRATEGI UNTUK MENGURANGKAN BAKI PEMBIAYAAN SIBERHUTANG

- a) Penerangan kepada siberhutang tentang kelebihan penyelesaian awal dimana ianya lebih menamatkan berbanding membayar ansuran setiap bulan.
- b) Tindakan potongan penjamin kepada penjamin-penjamin yang masih bekerja di syarikat.
- c) Senarai hitam nama siberhutang menerusi CTOS bagi memastikan bayaran dibuat oleh penghutang setiap bulan.
- d) Melantik peguam yang baru iaitu Tetuan Nurhayati & Mahfuzah
- e) Melaksanakan tindakan undang-undang termasuk kebankrutan.
- f) Penjamin menyelesaikan bahagian tanggungan sebagai penjamin menerusi caruman di KNSTP.

2) LITIGASI

Tindakan perundangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut :-

JENIS TINDAKAN	BILANGAN ANGGOTA
Tribunal	3
Senarai Hitam (CTOS)	11

Faktor peningkatan baki pembiayaan adalah seperti berikut :-

- a) Anggota berhenti dari syarikat
- b) Prosidur potongan gaji penjamin sukar dilaksanakan kerana potongan sedia ada tinggi.
- c) Penjamin telah berhenti dan caruman hanya mencukupi untuk membayar baki pembiayaan sendiri.
- d) Pandemik Covid 19 menyebabkan siberhutang tidak dapat membuat bayaran secara ansuran sebagai yang dipersetujui.
- e) Tindakan kebankrutan bagi pembiayaan kurang dari RM100,000 tidak dapat difaiklan di mahkamah
- f) Agen Pengutip hutang juga turut menghadapi kesukaran mengutip hutang

LAPORAN TAHUNAN 2021

3) PENGURUSAN RISIKO

FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

KAWALAN PENGURUSAN RISIKO

- a) Pembiayaan jangka panjang masih dibekukan dan kawalan risiko dapat dikawal.
- b) Pembiayaan baharu Skim Sara Hidup dan pembiayaan RM5,000 tanpa penjamin

PENUTUP

JKK Kutipan,Litigasi dan Pengurusan Risiko akan terus berusaha untuk meningkatkan jumlah kutipan dan mengurangkan risiko dalam semua urusan.

Sekian, wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



ZULFAKAR WAHIB

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIAL, BISNES & COOPMART TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Baharuddin Ishak
Ahli	:	Kamarulzaman Bin Pid
	:	Mohammad Anis Abdullah
	:	Fazleesham Mohd Yunus
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Mohamad Fakhri Mohd Koles
	:	Ismadi Ismail

OBJEKTIF

1. Kenal pasti projek dan perniagaan baru yang berpotensi (berkualiti & jangka panjang).
2. Melaksanakan projek perniagaan sedia ada dengan lebih efektif.



LAPORAN TAHUNAN 2021

LAPORAN BAGI TAHUN 2021

Prestasi pendapatan JKK adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2021.

1) PENGIKLANAN

Tajaan iklan dari pembekal dan rakan niaga di dalam Buku Laporan Tahunan.

2) COOP MART

KNSTP mempunyai dua cawangan Coopmart iaitu di Bangsar & Glenmarie.

2.1 COOP MART BALAI BERITA BANGSAR

Operasi berterusan walaupun berada dalam persekitaran pandemik Covid-19 dan kesan dari pandemik iaitu kebanyakan staf/pelanggan bekerja dari rumah.

Projek yang diadakan adalah penyediaan barang asas khusus kepada anggota yang terkesan oleh pandemik. KNSTP juga menyediakan pakej sumbangan anjuran organisasi seperti Surau TV3, Persatuan Penduduk dan Unisel.

Mesin Vending Air dari SpaceDX telah dipasang di Coop Mart. Mesin ini menggunakan teknologi “touch screen” dan pembelian tanpa menggunakan wang tunai. Ianya juga mempunyai skrin LCD untuk tayangan iklan produk koperasi,

2.2 CAFETARIA DAN COOP MART MEDIA PRIMA GLENMARIE

Operasi ditangguhkan dalam tempoh pandemik.

3) SAVILLE EXPRESS & BUSINESS CENTRE

Pada awal tahun 2021, koperasi telah memulakan satu perniagaan penghantaran Pos Laju bertempat di Lot 10, Saville Kajang di Jalan Reko, Kajang Selangor. Selain Pos Laju, Saville Express & Business Centre adalah agen Drop Point untuk Ninja Van. Perniagaan lain yang dijalankan adalah sewaan Mail Box, jualan alat tulis, tambah nilai prabayar dan pembayaran bil.

4) KERJASAMA PERNIAGAAN

KNSTP telah bekerjasama dengan organisasi dan syarikat berikut :-

- a) Kelab Mart Kakitangan Media Prima - menyediakan barang asas & produk.
- b) Fresh Meat Empire Sdn Bhd - membekalkan daging sempena Aidilfitri kepada anggota
- c) Ar-Rahnu Dataran Mentari dan Ar-Rahnu Bandar Sri Putra - membekalkan cenderahati Ramadan dan Hamper Raya

STRATEGI KEMPEN

Strategi untuk mempromosikan aktiviti perniagaan adalah melalui hubungan baik antara semua koperasi di Malaysia, sebaran poster melalui email, talian whatsapp dan pemasaran di media sosial seperti Facebook, dan Instagram selain dari kaunter penerangan dan seminar.

PENUTUP

Secara keseluruhan, pada tahun 2021, KNSTP sentiasa mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan koperasi dan menambah nilai dalam perniagaan sedia ada walaupun berada dalam persekitaran pandemik Covid-19 yang penuh dengan cabaran.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



Baharuddin Ishak
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Komersial, Bisnes & Coopmart

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Mohd Fadzil Abdul Ghani
Ahli	:	Abdul Rahim Llin
	:	Salehuddin Shah Shabudin
	:	Mohamad Wafi Mohamad Arof
	:	Rodziah Jama'ah
	:	Amir Mat Kupli @ Kupli

OBJEKTIF

1. Berkebajikan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat..
2. Menjana pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah.



LAPORAN BAGI TAHUN 2021

KNSTP mempunyai dua cawangan Ar-Rahnu X'Change iaitu Dataran Mentari, Sunway & Bandar Seri Putra, Bangi. Laporan prestasi perniagaan Ar-Rahnu boleh merujuk di Penyata Kewangan 31 Disember 2021.

1) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE - DATARAN MENTARI (ARX DM)

BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)
Nilai Marhun	16,587,294	15,290,180
Gadaian di keluarkan	12,935,975	11,593,214
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	837,202	752,716
Bayaran upah simpan yang diterima	1,115,663	1,122,070
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	12,391,291	12,858,075

2) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE – BANDAR SERI PUTRA (ARX BSP)

BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)
Nilai Marhun	6,216,003	8,632,285
Gadaian di keluarkan	4,727,690	6,635,450
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	308,870	450,758
Bayaran upah simpan yang diterima	298,931	435,369
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	3,624,926	5,927,394

3) PERBANDINGAN (ARX Dataran Mentari) & (ARX Bandar Seri Putra)

Perbandingan antara 2020 dan 2021 :-

- Nilai marhun dan gadaian tahun 2021 menurun sebanyak 0.92 peratus untuk ARX Dataran Mentari manakala ARX Bandar Seri Putra meningkat sebanyak 28 peratus.
- Gadaian meningkat disebabkan peningkatan harga emas dunia dari pertengahan 2020 sehingga penghujung tahun 2021.
- Pelanggan telah menggunakan kelebihan kenaikan harga emas dengan membuat pinjaman bertindih (“Overlapping”) dengan kadar margin 80% dari pinjaman terdahulu.
- Rakyat Management Services telah menetapkan semua pelanggan menukar surat gadaian yang lama ke surat gadaian yang yang berkonsepkan Tawarruq.
- Pandemik Covid-19 tidak menghalang Ar-Rahnu untuk terus meningkatkan prestasi dari segi gadaian.
- JKK telah menetapkan alternatif bagi meningkatkan jumlah gadaian. Program galakan seperti membawa pelanggan baru dari luar terutama daripada Kedai Pajak Gadai Konvensional telah memberi impak positif kepada kenaikan nilai gadaian.
- Pembukaan Ar-Rahnu Bandar Seri Putra memberi tambahan pendapatan kepada KNSTP. Pembukaan outlet tersebut, tepat pada masanya memandangkan peningkatan harga emas menjelang tahun 2021 yang memberangsangkan mengikut ramalan dari broker-broker berkenaan pasaran emas.

4) SASARAN DAN PERLAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2022

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan :-

- Memastikan modal pusingan mencukupi untuk kedua-dua cawangan Ar-Rahnu X'Change KNSTP iaitu Dataran Mentari dan Bandar Seri Putra.
- Melaksanakan Program Tahunan seperti pemberian kurma sempena Ramadhan dan pemberian Hamper kepada pelanggan yang membuat Gadaian RM15 ribu dan keatas pada setiap tahun.
- Pelaksanaan Kutipan Kurangan Lelongan Secara berjadual.
- Penjualan Barang “Prelove” bagi menjana pendapatan sampingan.

LAPORAN TAHUNAN 2021

5) PERBANDINGAN PENDAPATAN & PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020 & 2021

Ringkasan Pendapatan & Perbelanjaan untuk perniagaan Ar-Rahnu KNSTP bagi Tahun 2020 & 2021 adalah seperti berikut :-

	2020 (RM)	2021	PERATUS KENAIKAN (%)
PENDAPATAN	1,484,239	1,640,151	10%
PERBELANJAAN	896,324	1,035,318	15%
KEUNTUNGAN	587,915	604,833	3%

PENUTUP

Kesimpulannya, perniagaan Ar-Rahnu mempunyai potensi yang besar sebagai penyumbang pendapatan utama dalam perniagaan KNSTP. Keuntungan keseluruhan meningkat sebanyak 3% berbanding tahun 2020. KNSTP akan lebih fokus dalam meningkatkan pengetahuan keberadaan Ar-Rahnu kepada anggota dan masyarakat secara amnya.

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperolehi penganugerahan sebagai francais terbaik.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2021

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	:	Zulfakar Wahib
Ahli	:	Kamarulzaman Bin Pid
	:	Khairuzzaman Mohammad
	:	Khairi Abdul Khalid
	:	Kamarulzaman Salleh
	:	Azlina Ibrahim
	:	Nazirah Abdul Manap

OBJEKTIF

1. Sebagai penghubung antara koperasi dengan anggota dan rakan niaga.
2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang koperasi kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebijakan anggota terpelihara.



LAPORAN TAHUNAN 2021

LAPORAN BAGI TAHUN 2021

1) KEANGGOTAAN

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a) Kempen keahlian – pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10.00
- b) Menawarkan dan mempromosikan keahlian kepada kakitangan kontrak
- c) Menawarkan keahlian kepada ahli keluarga anggota.
- d) Menawarkan keahlian kepada kakitangan rakan niaga koperasi.

2) KEBAJIKAN

SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

A) SKIM MCIS IKHTIARI –MCIS ZURICH INSURANCE BERHAD

Pihak koperasi telah membuat permohonan pemberhentian bagi pihak anggota.

Bil	Nama	No Anggota
1.	Noorsham Bt Saleh	4892

Pembayaran telah dilakukan oleh syarikat MCIS secara autokredit ke akaun anggota.

B) SKIM FLEXI EB – TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Manfaat
1.	Mohd Faizal Bin Abdul Azis	3351	Kematian
2.	Peter Damian S/O Vera Perumal	4281	Kematian
3.	Ahmad Shukran Bin Hj Mohamed Salleh	5222	Kemasukan wad
4.	Essmady Bin Ishak	5973	Kemasukan wad
5.	Rodziah Jamaah	6768	Kemasukan wad
6.	Zulfakar Bin Wahib	3220	Kemasukan wad

Pembayaran telah dimasukkan ke akaun anggota, kecuali anggota meninggal pembayaran dimasukkan ke akaun isteri (Norhani Binti Ramli dan Parmisvare A/P Andy).

TABUNG ANGGOTA KOPERASI

Selain itu, koperasi telah menubuhkan tabung-tabung bertujuan untuk memberi kebajikan kepada anggota dan keluarga seperti berikut :-

A) TABUNG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2021, KNSTP telah menggunakan Tabung Kebajikan Am untuk tujuan sumbangan, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, Zakat Perniagaan Koperasi dan cenderahati untuk semua anggota Koperasi serta lain-lain pembayaran yang bertujuan untuk kebajikan anggota. (Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2021.)

Pada tahun 2021, manfaat Tabung Kebajikan Am telah diperluaskan dengan memberi manfaat Tahun Satu, Bencana Alam & Penyakit Kronik.

B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2021, Koperasi telah memberi wang khairat sebanyak RM2,000 kepada waris anggota berikut yang telah meninggal dunia :-

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat	Sumbangan (RM)
1.	Peter Damian A/L Veera Perumal	04281	Print Tower	1,000.00
2.	Zul Fakhri Bin Abdul Mutalib	10235	Mediaprima	1,000.00
JUMLAH				<u>2,000.00</u>

KNSTP telah memberi sumbangan wang khairat kepada 53 anggota atas kematian pasangan, anak, ibu bapa dan ibu-bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut :-

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Pasangan	3	500.00	1,500.00
2.	Anak	2	500.00	1,000.00
3.	Ibu /Bapa	30	300.00	9,000.00
4.	Ibu Mertua / Bapa Mertua	18	300.00	5,400.00
	JUMLAH	<u>53</u>	JUMLAH	<u>16,900.00</u>

C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2021, Koperasi telah melindungi baki pembiayaan anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut :-

Bil	Simati	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1.	Peter Damian A/L Veera Perumal	04281	14,400.00
2.	Zul Fakhri Bin Abdul Mutalib	10235	1,625.16
JUMLAH			<u>16,025.16</u>

Dengan perlindungan ini, waris dan penjamin tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

LAPORAN TAHUNAN 2021

3) KOMUNIKASI

Pada tahun 2021, komunikasi antara koperasi dengan anggota telah dipertingkatkan dengan menggunakan medium seperti berikut :-

- a) Sesi Penerangan – pertemuan dengan anggota semasa agihan cenderahati
- b) Email Blast – hebahan poster dan maklumat terkini
- c) Notis – notis dipamerkan di papan kenyataan dan email blast.
- d) Poster / Risalah – dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan melalui media sosial
- e) Facebook / Instagram – pelbagai aktiviti koperasi di kemaskini.
- f) Laman Web – pelbagai maklumat, aktiviti, borang-borang koperasi boleh diperolehi.

SASARAN DAN PERLAKSANAAN BAGI TAHUN 2022

- JKK akan sentiasa memperkemaskan sistem komunikasi dan maklumat terutama melalui laman web, facebook, instagram, media elektronik, risalah dan email.
- JKK akan menaikkan aliran trafik laman web koperasi dengan menggalakkan anggota untuk melayari E-knstp.
- JKK sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan jumlah anggota melalui promosi yang bersesuaian.
- JKK memberi tawaran keanggotaan kepada rakan niaga dan keluarga
- Penambahbaikan manfaat Tabung Kebajikan Am.

PENUTUP

JKK berharap setiap perlaksanaan medium komunikasi yang dilakukan akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota. JKK juga berharap komunikasi dua hala diwujudkan dan perwakilan turut menjadi perantara dalam usaha mempertingkatkan komunikasi dan seterusnya meningkatkan keanggotaan koperasi tanpa melupakan kebajikan anggota.

Sekian, Wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



Zulfakar Wahib
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

LAMPIRAN MESYUARAT & KURSUS

LAMPIRAN A – MESYUARAT AGUNG KAWASAN

LAMPIRAN B – SENARAI PERWAKILAN SESI 2022/2024

LAMPIRAN C - KURSUS & SEMINAR TAHUN 2021



LAPORAN TAHUNAN 2021

LAMPIRAN A : MESYUARAT AGUNG KAWASAN SESI 2022/2024

Dimaklumkan bahawa Koperasi NSTP (M) Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan bagi tujuan pemilihan perwakilan bagi sesi 2022/2024
Butiran mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti berikut :-

	KAWASAN	TARIKH MESYUARAT	TEMPAT MESYUARAT	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH KEHADIRAN	JUMLAH PERWAKILAN*
1.	Zon 1 (Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah & Sarawak)	26 Jun 2022 (Ahad)	Bilik Seminar The NSTP (M) Berhad Tingkat Bawah, 31, Jln Riong 59100 Kuala Lumpur	1,504 orang	99 orang	30 orang
2.	Zon 2 (Johor, Melaka & Negeri Sembilan)	13 Julai 2022 (Rabu)	Bilik Seminar The NSTP (M) Berhad 88A & 88B, Jalan Padi Satu Bandar Baru Uda 81200 Johor Bahru, Johor	19 orang	6 orang	1 orang
3.	Zon 3 (Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak)	15 Julai 2022 (Jumaat)	Bilik Seminar The NSTP (M) Berhad Lot 322 & 323, Prai Industrial Estate 13600 Prai, Pulau Pinang	23 orang	7 orang	1 orang
JUMLAH					112 orang	32 orang

* Jumlah perwakilan yang dipilih adalah termasuk Anggota Lembaga dan Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi.

LAMPIRAN B :

**SENARAI NAMA PERWAKILAN YANG DIPILIH DI MESYUARAT KAWASAN UNTUK HADIR
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54 & KE-55**

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	ZON / JAWATAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	6456	Anggota Lembaga
2.	Zulfakar bin Wahib	3220	Anggota Lembaga
3.	Abdul Rahim Bin Llin	5261	Anggota Lembaga
4.	Baharuddin Bin Ishak	6514	Anggota Lembaga
5.	Mohammad Anis Bin Abdullah	6619	Anggota Lembaga
6.	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	5222	Anggota Lembaga
7.	Khairuzzaman Bin Mohamad	4915	Anggota Lembaga
8.	Salehudin Shah Shabudin	4488	Anggota Lembaga
9.	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	Anggota Lembaga
10.	Kamarulzaman Bin Pid	5935	Anggota Lembaga
11.	Khairi Abdul Khalid	8212	Anggota Lembaga
12.	Fazleesham B Mohd Yunus	4270	Anggota Lembaga
13.	Mohd Hidzir Md Ismail	4995	Jawatankuasa Audit Dalam
14.	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	Jawatankuasa Audit Dalam
15.	Rameshdev Singh A/L Gordeyap Singh	8176	Jawatankuasa Audit Dalam
16.	Mohamad Bin Yahya	6786	Jawatankuasa Audit Dalam
17.	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	Jawatankuasa Audit Dalam
18	Hj Shukor Bin Hj Othman	2502	Tengah
19.	Dauza Bte Umat	4886	Tengah
20.	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	Tengah
21.	Salina Binti Abdul Rahim	10390	Tengah
22.	Zolkefli Bin Hamzah	3953	Tengah
23.	Mohamed Zulkifli Bin Sulaiman	9839	Tengah
24.	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	Tengah
25.	Nor Azmi Bin Ali	6077	Tengah
26.	Mohd Rizal Bin Saari	8772	Tengah
27.	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali	9370	Tengah
28.	Shahrul Azman Bin Sharip	8581	Tengah
29.	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	Tengah
30.	Nazrul Affendi Bin Che Ibrahim	9931	Tengah
31.	Roslan Baharuddin	1979	Selatan
32.	Muhammad Asyadi B Omar	7692	Utara

LAPORAN TAHUNAN 2021

LAMPIRAN C :

KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN, JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN ANGGOTA

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
1	Kursus Anjuran Bersama IKM - KNSTP Ajuran : IKM Tempat : Dalam talian	25 & 26 Januari 2021	Semua staf
2	Kursus Asas Keusahawanan Koperasi Anjuran: IKM Tempat : Google Meet	16 & 17 Februari 2021	Ridzwan Ahmad Ismadi Ismail Mohamad Fakhri Abdul Koles
3	Kursus Pengurusan Perubahan Ajuran : IKM Tempat : Dalam talian	22 & 23 Mac 2021	Rodziah Jamaah Azlina Ibrahim Noorhazifah Mohd Aminoor
4	Creating Own Design As Own Brand Anjuran : Angkasa Tempat : Hotel Tamu KL	07 & & 08 April 2021	Nazirah Abd Manap Ismadi Ismail
5	Kursus Wajib ALK Anjuran : IKM Tempat : Dalam Talian	Januari – Mei 2021	Fazleesham Mohd Yunus
6	Diploma Profesional Pengurusan Ar-Rahnu Anjuran : USM & RMS Tempat: Dalam Talian	05 Jun – 31 Disember 2021	Amir Mat Kupli Nur Ashieqin Abd Malid
7	Taklimat Pinjaman Tabung Modal Pusingan SKM Anjuran : SKM WP Tempat : Gerakan Koperasi Wilayah Persekutuan Link Microsoft Teams	10 Jun 2021	Mohd Fadzil Abdul Ghani Rodziah Jamaah
8	Taklimat dan Penerangan Federasi Koperasi Wilayah Persekutuan Anjuran : SKM Cawangan WPKL Tempat : Dalam Talian	11 Ogos 2021	Mohd Fadzil Abdul Ghani Salehudin Shah Shabudin
9	Pembentukan Sektor Koperasi oleh Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad Anjuran : Angkasa Tempat : Dalam Talian	29 September 2021	Rodziah Jamaah
10	Taklimat Program Dibawah Pemulih – Program Subsidi Upah dan Penjana Kerjaya 3.0 Ajuran : Perkeso Tempat : Cisco Webex	03 November 2021	Azlina Ibrahim



JawatanKuasa Audit Dalaman 2021 / 2022

No Ruj Kami : 6/JKAD 2021/2022-MAT54

13hb Jun 2021

Anggota Lembaga Koperasi

Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad
31 Jalan Riong
59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2021/2022

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 54.

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad sesi 2021/2022 dianggotai oleh :-

Mohd Hidzir Md Ismail	-	Pengerusi
Rameshdev Singh Gordeyap Singh	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Hafiz Mohamad Ghazali	-	Ahli Jawatankuasa
Mohamad Yahya	-	Ahli Jawatankuasa
Ahmad Nizam Eusof	-	Ahli Jawatankuasa

2. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan Pengauditan untuk tempoh berakhir 31hb Disember 2021 merangkumi Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi aspek pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Koopmart dan Ar Rahnu.

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

- 23hb Januari 2022
Mesyuarat Audit pertama sesi 2021/2022
- 20hb April 2022
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Tunai Segera / Skim Pembiayaan Sara Hidup / Skim Pembiayaan Kecemasan / Skim Pembiayaan Insurans Motor & Tayar / Skim Pembiayaan Perayaan / Skim Pembiayaan Peribadi / Skim Pembiayaan Peribadi (70%) / Skim Pembiayaan Barang Pengguna
- 25hb April 2022
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pembiayaan Kakitangan Koperasi / Skim Pembiayaan Ahli Lembaga Koperasi

LAPORAN TAHUNAN 2021

- 17hb Mei 2022
Koop Ar Rahnu X'Change Bandar Seri Putra
 - 8hb Mei 2022
Koop Ar Rahnu X'Change Sunway Mentari
 - 21hb Mei 2022
Stok Kedai Koopmart
4. Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa prestasi pengurusan dan hal ehwal koperasi menunjukkan sedikit penurunan keuntungan disebabkan Pandemik Covid-19 serta WFH (Bekerja Dari Rumah) telah menyebabkan Pinjaman dari Ahli Koperasi dan kuasa berbelanja yang rendah untuk menjana pendapatan yang menjadi sumber pendapatan utama koperasi. Pemeriksaan terhadap penyata dan rekod-rekod perakaunan serta rekod-rekod lain tersusun dengan baik dan disimpan dengan teratur mengikut piawaian perakaunan. Urusan pentadbiran seperti pengendalian fail-fail dan urusniaga perbelanjaan, penerimaan, perolehan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi (52).
5. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi atas kepercayaan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh kami menjalankan tanggungjawab audit dalam ini.

Sekian. Salam Hormat.

Yang Menjalankan Tugas

Mohd Hidzir Bin Md Ismail
(Pengerusi JKAD)

Ahmad Nizam Bin Eusof
(Ahli JKAD)

Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh
(Ahli JKAD)

Mohamad Bin Yahya
(Ahli JKAD)

Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali
(Ahli JKAD)



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

Tel : 03 - 20834000
Faks: 03-20834100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):
N72/1981/5 Jld.7 (13)
Tarikh : 22/06/2022

Anggota Lembaga,
Anggota-anggota Koperasi,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad
Tingkat 1, Bangunan NST Press(M) Sdn Bhd
No.31 Jalan Riong, Off Jala Bangsar
59100 Kuala Lumpur
WILAYAH PERSEKUTUAN



Tuan,

**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA
KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang diaudit oleh juruaudit Mohd Kamal Bin Mohd Zahari dari firma Kamal Zahari & Co. telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian ke atas akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian ke atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian berkenaan perkara-perkara berikut:

LAPORAN TAHUNAN 2021

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2020

(a) Penghantaran Borang Cukai Pendapatan Koperasi

Sila maklum terhadap tanggungjawab koperasi untuk membuka fail dan mengemukakan anggaran cukai secara e-filing (e-CP204) ke Pusat Pemprosesan Maklumat LHDNM (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia) walaupun koperasi dikecualikan cukai. Koperasi juga hendaklah menyimpan buku dan rekod perakaunan selama tujuh (7) tahun bagi tujuan semakan LHDNM. Tindakan ini hendaklah dilaksanakan oleh semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

(b) Akaun Deposit Koperasi

Sila maklum terhadap Arahan SKM Bilangan 2 Tahun 2019 berkaitan Arahan Mendeposit ke dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK) bertarikh 12 Ogos 2019 yang menghendaki koperasi untuk mendeposit Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) bermula tahun kewangan berakhir Disember 2018 dan tahun-tahun kewangan berikutnya ke dalam Akaun Deposit Koperasi. Koperasi hendaklah mendepositkan Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi dalam tempoh 6 bulan selepas tahun kewangan berakhir seperintama subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.

Pihak koperasi juga hendaklah membuat pendedahan bagi ADK dan KWRS dalam Nota Kepada Akaun semasa penyediaan akaun tahun hadapan sebagaimana yang dinyatakan di para 59(k) dan (gg) GP23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 bertarikh 15 Disember 2020.

(c) Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar (Nota 13)

Didapati koperasi belum mengambil tindakan ke atas pandangan Suruhanjaya tahun 2019 di para 3(b) berkaitan pelbagai penghutang bagi kekurangan lelongan perlu dituntut dan pelbagai siberhutang yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan sejak tahun 2016.

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2020

Selain itu, terdapat pelbagai penghutang iaitu prabayar FIS Data Link, pendahuluan Ar-Rahnu Dataran Mentari dan pendahuluan Ar-Rahnu Bandar Seri Putra yang masih berbaki negatif. Sehubungan itu, pihak koperasi dikehendaki mengambil tindakan segera dan menyediakan peruntukan hutang ragu atau lapuk dengan secukupnya. Pandangan Suruhanjaya tahun 2019 adalah dirujuk.

Pihak koperasi juga diminta untuk membuat perincian yang jelas di dalam nota kepada akaun bagi lain-lain penghutang dan deposit berjumlah RM337,741 pada 31 Disember 2020. Jumlah tersebut adalah material dan perlu dibuat perincian yang lebih jelas di dalam nota kepada akaun. Sila laksanakan tindakan sewajarnya semasa penyediaan penyata kewangan tahun hadapan bagi memberi gambaran benar dan saksama tentang penyata kewangan koperasi.

(d) Laporan Pengurusan Juruaudit

Pihak koperasi dinasihatkan supaya mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya ke atas perkara yang dibangkitkan di dalam Laporan Pengurusan 2020 oleh pihak juruaudit berkaitan pelaburan dalam syer siar harga dan syarikat bersekutu bagi meningkatkan tadbir urus koperasi dari semasa ke semasa.

4. Semua pandangan Suruhanjaya di atas yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci kira-kira koperasi hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh koperasi dan ditunjukkan dengan jelas dalam akaun teraudit koperasi tahun kewangan akan datang selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993 dan dilaporkan oleh Lembaga dalam laporan berkanunnya seperti mana kehendak perenggan 59(3)(g) Akta yang sama.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2020

5. Selain daripada perkara di atas, kami berpendapat akaun-akaun dan kunci kira-kira tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(SITI MULIYANA BT AHMADI)

b.p. Pengurus Eksekutif,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Nota : Ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Wilayah Persekutuan
Ketua Bahagian Audit Negeri Wilayah Persekutuan
Penolong Pengarah Wilayah/Daerah Wilayah Nasional D
Firma Kamal Zahari & Co.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS



hisham & co
chartered accountants (M)
SINCE 2003

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kepada :

Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi New Straits Times (Malaysia) Berhad**, yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2021 dan Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta Nota-nota kepada Penyata Kewangan termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, dibentangkan di muka surat 9 hingga 50.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan kehendak Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini adalah dihuraikan dengan lanjut di dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian dalam memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi menurut By-Laws (atas Etika Professional, Tatacara dan Amalan) daripada Institut Akauntan Malaysia (“By Laws”) dan Kod Etika untuk Professional Akauntan oleh Lembaga Piawaian Etika Akauntan Antarabangsa (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Ahli Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Berkanun Lembaga, tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan Laporan Juruaudit.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD Laporan Juruaudit (Samb.)

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (Samb.)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak termasuk pendapat terhadap Laporan Berkanun Lembaga dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Koperasi, kami bertanggungjawab membaca Laporan Berkanun Lembaga dan mempertimbangkan sama ada Laporan Berkanun Lembaga tersebut adalah konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi atau maklumat yang kami peroleh tanpa sebarang salah nyata ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja-kerja audit yang telah dijalankan, kami mendapati terdapat salah nyata terhadap Laporan Berkanun Lembaga, kami dikehendaki untuk melaporkan perkara tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan berkaitan Laporan Berkanun Lembaga tersebut.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan kehendak Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Ahli Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan oleh Ahli Lembaga Koperasi yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata fakta yang penting, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Koperasi, Ahli Lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai keupayaan Koperasi untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, sekiranya berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan, melainkan Ahli Lembaga Koperasi berkeinginan untuk membubarkan atau menghentikan operasi Koperasi, atau tiada alternatif lain selain dari melaksanakannya.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap munasabah yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Laporan Juruaudit (Samb.)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Penyata Kewangan (Samb.)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- a) mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengecualian disengajakan, salah nyata atau mengatasi kawalan dalaman.
- b) memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- c) menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Ahli Lembaga Koperasi.
- d) membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Koperasi, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan
- e) menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan merupakan asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dalam cara yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga Koperasi berkenaan, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sepanjang pengauditan kami.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD Laporan Juruaudit (Samb.)

Laporan atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan:

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:


- a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut Seksyen 58 Akta;
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi, 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama menurut dasar-dasar perakaunan.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain tentang isi kandungan laporan ini.



HISHAM & CO.
No. Firma : AF 1491
Akauntan Bertauliah (Malaysia)



MOHD. HISHAMUDDIN BIN ABU HASSAN
No. Juruaudit: SKM(B)0232

Selangor

Tarikh : **22 JUL 2022**

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA
KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(1)(C)**

Kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi dengan suacitanya membentangkan Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4).
- b) Koperasi bercadang mengeluarkan dividen pada tahun ini sebanyak 3.0% berjumlah RM354,548 di atas baki modal yuran anggota pada 30 Jun 2021 berjumlah RM11,818,251. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- c) Koperasi bercadang membuat peruntukan pindahan ke tabung kumpulan wang Koperasi kecuali bayaran kehormat kepada Ahli Lembaga Koperasi adalah seperti berikut:

	RM
Tabung Perlindungan Pembiayaan	10,000
Tabung Kebajikan Am	8,000

- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- f) Ahli Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Laporan Berkanun Lembaga (Samb.)

Kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).

MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi

ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha

ABDUL RAHIM LLIN
Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 Julai 2022

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	6,099,623	6,300,832
Pelaburan dalam saham siarharga	5	30	123
Pelaburan dalam saham taksiarharga	6	928,934	928,935
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	144,000	144,000
Pinjaman anggota jangka panjang	8	7,428,674	9,536,232
Aset tidak nyata	9	43,000	61,000
Pelaburan-pelaburan lain	10	3,739,138	3,589,605
		18,383,399	20,560,727
ASET SEMASA			
Inventori	11	23,018	19,803
Pinjaman anggota jangka pendek	8	542,394	651,179
Pembentangan gadaian Ar-Rahnu	12	12,773,081	12,341,979
Penghutang perdagangan (upah simpan) Ar-Rahnu		2,191,340	796,824
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	13	2,523,951	2,194,469
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	14	104,878	103,454
Tunai dan setara tunai	15	829,241	785,811
		18,987,903	16,893,519
JUMLAH ASET		37,371,302	37,454,246

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

	Nota	2021	2020
		RM	RM
DIBIAYAI OLEH			
Modal yuran anggota	16	13,254,130	14,112,845
Modal syer anggota	17	1,745,973	1,890,363
Akaun Rizab Modal	18	490,676	490,676
Tabung dan Lain-lain Kumpulan Wang	19	244,978	359,316
Akaun untung rugi terkumpul		342,700	342,390
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>16,078,457</u>	<u>17,195,590</u>
Kumpulan wang rizab statutori	20	3,025,089	2,991,552
		<u>3,025,089</u>	<u>2,991,552</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pembentangan berjangka daripada institusi kewangan	21	11,193,192	11,678,820
		<u>11,193,192</u>	<u>11,678,820</u>
LIABILITI SEMASA			
Simpanan khas anggota	22	1,092,843	1,024,200
Pembentangan berjangka daripada institusi kewangan	21	3,133,910	3,123,453
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	23	21,487	13,103
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	24	10,743	6,551
Peruntukan dividen anggota	25	354,548	449,488
Pelbagai pembiutang dan akruan	26	2,461,033	971,489
		<u>7,074,564</u>	<u>5,588,284</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>37,371,302</u>	<u>37,454,246</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN		419,212	655,137
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 8%	20	33,537	52,411
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%	23	8,384	13,103
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%	24	4,192	6,551
		46,113	72,065
UNTUNG SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		373,099	583,072
TOLAK: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN			
<u>Dividen dicadangkan 2021</u>			
3% atas modal yuran pada 30.06.2021 berjumlah RM11,818,251	25	354,548	-
<u>Dividen dicadangkan 2020</u>			
3% atas modal yuran pada 30.06.2020 berjumlah RM13,330,033	25	-	399,901
3% atas modal saham pada 30.06.2020 berjumlah RM1,652,827	25	-	49,587
Tabung Perlindungan Pembiayaan	19	10,000	55,000
Tabung Kebajikan Am	19	8,000	50,000
		372,548	554,488
BAKI KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGI-BAHAGIKAN		551	28,584
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN		342,390	313,806
Pelarasan dalam tahun		(241)	-
		342,149	313,806
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		342,700	342,390

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD **AKAUN UNTUNG RUGI** **BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN			
<u>Pendapatan dari Aktiviti Kredit</u>			
Caj perkhidmatan skim pinjaman	27	770,942	1,014,654
Yuran proses pembiayaan jangka panjang		1,500	2,040
Keuntungan kurangan rebet (caj pertindihan awal)		377	3,988
Caj proses surat		85	30
Caj Penalti Lewat Bayar Ansuran		8	-
		<u>772,912</u>	<u>1,020,712</u>
<u>Pendapatan dari Aktiviti Peruncitan</u>			
Jualan		108,716	119,860
Jualan Buku SPM		-	2,624
Jualan Buku UPSR		-	2,041
Jualan Buku Gerak Gempur UPSR & PT3		161	19,578
Jualan - Saville Kajang (Pos Laju)		12,946	-
Sewa Kiosk Makanan		1,800	3,800
Sewa Tapak		-	25
Komisen Mesin Minuman		7,160	6,510
		<u>130,783</u>	<u>154,438</u>
<u>Pendapatan dari Hartanah</u>			
Pendapatan sewa		223,560	230,160
		<u>223,560</u>	<u>230,160</u>
<u>Pendapatan dari pelaburan</u>			
Hadiah simpanan tetap (BIMB & Bank Rakyat)		44,440	63,191
Hadiah dari akaun simpanan		2,491	3,526
Pendapatan dividen		65,796	66,551
Pendapatan HLA / Kopsyia		63,318	26,308
		<u>176,045</u>	<u>159,576</u>
<u>Pendapatan dari Lain-Lain Perkhidmatan pengguna</u>			
Seminar & Acara		-	1,300
Pengiklanan		8,150	5,300
		<u>8,150</u>	<u>6,600</u>
Baki pendapatan dihantar ke hadapan		1,311,450	1,571,486

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

	Nota	2021	2020
		RM	RM
PENDAPATAN...SAMB.			
Baki pendapatan dibawa daripada hadapan		1,311,450	1,571,486
<u>Pendapatan dari Aktiviti Ar-Rahnu/Pajak Gadai</u>			
Pendapatan caj upah simpan		1,608,285	1,461,094
Penggenapan	23	23	21
Yuran tender		1,530	435
Caj notis		22,558	14,589
Sewa penempatan mesin pengeluaran wang		3,600	8,100
Komisen Jualan Barang Kemas 'Prelove'		4,155	-
		<u>1,640,151</u>	<u>1,484,239</u>
<u>Lain-lain pendapatan dan keuntungan</u>			
Bayaran masuk		180	500
Pendapatan komisyen	28	75,139	72,646
Keuntungan dari pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		163	10
Subsidi Kerajaan (Upah)		-	102,600
Lain-lain		529	26
		<u>76,011</u>	<u>175,782</u>
JUMLAH PENDAPATAN		3,027,612	3,231,507

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

	Nota	2021 RM	2020 RM
PERBELANJAAN			
PERBELANJAAN DARI AKTIVITI			
<u>Perbelanjaan dari Aktiviti Peruncitan</u>			
Kos atas Jualan	29	107,648	104,984
Lain-lain perbelanjaan	30	15,460	10,822
		<u>123,108</u>	<u>115,806</u>
<u>Perbelanjaan dari Aktiviti Pembangunan Hartanah</u>			
Cukai Pintu & Taksiran		3,106	3,268
Insurans Bangunan		2,045	1,761
Belanja Kendalian		24,535	24,081
Duti Setem Kontrak Sewa		325	-
		<u>30,011</u>	<u>29,110</u>
<u>Perbelanjaan dari Aktiviti Pengguna</u>			
Belanja Langsung Seminar & Acara		-	1,112
		<u>-</u>	<u>1,112</u>
<u>Perbelanjaan dari Aktiviti Ar-Rahnu / Pajak Gadai</u>			
Royalti francais		123,188	98,470
Dana pemasaran nasional		30,797	24,619
Penggenapan - kekurangan		24	21
Gaji, elaun dan bonus staf		126,883	121,624
Yuran kursus/ Latihan Kakitangan		450	900
Insuran takaful		15,088	10,996
Pelunasan aset tidak nyata		18,000	18,000
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		72,191	70,509
Belanja utiliti		47,146	48,579
Pengiklanan, promosi & sebaran		-	668
Belanja pos, penghantaran dan setem		<u>13,358</u>	<u>5,207</u>
Baki perbelanjaan dari aktiviti Ar-Rahnu/pajak gadai dihantar ke hadapan		447,125	399,593

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD AKAUN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

	Nota	2021 RM	2020 RM
PERBELANJAAN...SAMB.			
Baki perbelanjaan dari aktiviti Ar-Rahnu/pajak gadai dibawa dari hadapan	447,125	399,593	
Penyelenggaraan alat pejabat, komputer & alarm	22,200	10,354	
Penyelenggaraan Perisian	8,000	7,000	
Penyelenggaraan bangunan	8,610	14,748	
Lesen, cukai tanah dan taksiran	2,431	1,203	
Alatulis, cetakan, dan bekalan	8,837	6,152	
Belanja membersihkan pejabat	5,865	5,535	
Caj dan komisen perkhidmatan bank	283	320	
Sewa pejabat/premis operasi	144,000	144,000	
Sewa Perkakasan/Peralatan Pejabat	-	2,280	
Kerugian Pelupusan/Hapuskira Aset Tetap	-	123	
Yuran audit / guaman	35	45	
Pelbagai Perbelanjaan	150	1,350	
Keraian	-	626	
Caj Duti Setem Kontrak sewa	-	185	
Perkhidmatan keselamatan	99,706	101,751	
Caj pembiayaan Bank Rakyat	288,076	201,059	
	1,035,318	896,324	

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD **AKAUN UNTUNG RUGI** **BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)**

	Nota	2021 RM	2020 RM
PERBELANJAAN AM			
Yuran audit luar		<u>9,000</u>	<u>14,360</u>
Perbelanjaan Lembaga			
Elaun Tetap Anggota Lembaga Pengarah	31	54,000	50,400
Elaun Telefon Anggota Lembaga Pengarah	31	8,400	8,400
Elaun Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah & Perwakilan	31	74,050	73,150
		136,450	131,950
Perbelanjaan Kewangan			
Caj keuntungan pembiayaan BIMB 1		26,161	18,185
Caj keuntungan pembiayaan BIMB 2		122,977	137,736
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Arena Mentari		16,843	41,857
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Nadi Bangsar		6,474	22,365
Caj keuntungan pembiayaan Bank Rakyat - Sri Tijanni		17,024	18,162
Caj keuntungan pembiayaan Bank Rakyat - Cash Line		24,306	13,628
Caj keuntungan pembiayaan Maybank Islamic - Bdr Seri Putera		50,394	26,680
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Saville Kajang		15,057	37,277
		279,236	315,890
Susutnilai hartaanah, loji dan peralatan		169,332	168,798
Belanja Mesyuarat Agung			
Mesyuarat Agung Perwakilan		20,709	32,394
Mesyuarat Agung Kawasan		-	22,751
		20,709	55,145
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan			
Gaji, elaun dan bonus kakitangan		488,389	515,719
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		111,286	115,757
Pertubuhan Keselamatan Sosial		10,628	10,212
Perubatan kakitangan		17,104	16,708
Insurans kakitangan		26,942	25,332
Kursus latihan dan staf praktikal		1,327	1,420
		655,676	685,148

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

PERBELANJAAN AM...SAMB.

Pelbagai Perbelanjaan

	Nota	2021	2020
		RM	RM
Insuran kemalangan anggota lembaga / jkad		1,927	1,163
Kursus dan seminar		1,054	1,841
Elaun jawatankuasa audit dalaman	32	4,600	9,880
Belanja keraian mesyuarat		546	2,615
Percetakan		1,108	294
Alatulis/bekalan dan bahan		3,920	7,932
Alatan pejabat / Komputer		368	-
Setem dan pos		568	1,342
Sewa dan caj meter mesin fotostat		6,595	10,190
Sewa mesin air		1,326	1,624
Telefon, faks, air dan elektrik		12,121	12,285
Belanja komputer		872	1,326
Sewa peralatan sistem komputer		60,970	58,725
Domain Email & Website		3,065	615
Sewa kaunter khidmat pelanggan		6,000	6,000
Kerajaan		7,051	4,681
Cenderahati		240	112
Pengangkutan dan perjalanan		7,436	8,957
Belanja promosi		1,813	3,174
Caj bank		226	454
Denda		927	5,652
Duti Setem		420	246
Caj penggunaan sistem internet perbankan		600	753
Caj penggunaan sistem spekar		130	435
Bayaran guaman		-	7,709
Bayaran agen percukaian		5,800	6,100
Bayaran profesional		10,350	-
Lesen dan pendaftaran		1,592	671
Kerugian Jualan Harta Tetap		-	23
Baki perbelanjaan dari pelbagai belanja dihantar ke hadapan		141,625	154,799

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia megikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD AKAUN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)

	Nota	2021 RM	2020 RM
PERBELANJAAN AM...SAMB.			
Baki perbelanjaan dari pelbagai belanja dibawa dari hadapan		141,625	154,799
Komisen Agen Kutip Hutang		6,837	7,924
Pelupusan Saham Tersiarharga / Taksiarharga / Pelaburan		1,094	-
Lain-lain		4	4
		149,560	162,727
JUMLAH PERBELANJAAN		2,608,400	2,576,370
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN			
		419,212	655,137

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
PENNYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan bersih sebelum cukai		419,212	655,137
Pelarasan ke atas perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:			
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		241,523	239,308
Pendapatan dari pelaburan		(176,045)	(314,653)
Pelunasan aset tidak nyata		-	(17,000)
Caj keuntungan pembiayaan		279,236	315,890
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		763,926	878,682
Inventori		(3,215)	(3,114)
Pembiayaan kepada anggota		2,216,343	6,748,233
Pembiayaan Ar-Rahnu		(1,825,618)	(2,984,639)
Penghutang, deposit dan prabayar		(329,482)	560,098
Pelbagai pembiayaan dan akruan		1,489,544	92,762
Aliran tunai bersih digunakan untuk dijanakan aktiviti operasi		2,311,498	5,292,022
ALIRAN TUNAI DARIPADA BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Tabung dan lain-lain kumpulan wang		(114,334)	(7,735)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		-	(7,579)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		-	(3,790)
Aliran tunai digunakan untuk bayaran berkanun dan agihan		(114,334)	(19,104)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pendapatan dari pelaburan		176,045	159,576
Pelaburan dalam saham siarharga		93	-
Pelaburan dalam saham tak siarharga		1	-
Pertambahan pelaburan -pelaburan lain		(149,533)	(314,653)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan		(41,341)	(16,246)
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		1,027	23
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(13,708)	(171,300)

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
PENNYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMB.)**

	Nota	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran dividen		(449,733)	(518,767)
Pergerakan bersih modal yuran dan syer		(1,003,105)	(5,384,744)
Pergerakan bersih simpanan khas anggota		68,643	(139,916)
Pergerakan bersih pembiayaan institusi kewangan		(475,171)	1,060,973
Bayaran caj keuntungan pembiayaan		(279,236)	(315,891)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan		(2,138,602)	(5,298,345)
LEBIHAN/(KURANGAN) TUNAI DAN SETARA TUNAI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		44,854	(196,727)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		889,265	1,085,992
ANALISA TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:			
Tunai di tangan dan di bank		829,241	785,811
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori		104,878	103,454
		934,119	889,265

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi kemudahan pembiayaan kepada anggota-anggotanya, menjalankan operasi perniagaan kedai Koperasi dan operasi Ar-Rahnu X'change, membuat pelaburan dalam pelbagai bentuk pelaburan serta menyewakan ruang-ruang kedai dan pejabat.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 serta Undang-undang Kecil Koperasi.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang berikut adalah digunakan dalam melaporkan perkara-perkara yang penting di dalam penyata kewangan :

(a) Yuran masuk

Yuran masuk yang diterima dalam tahun kewangan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi mengikut kehendak Undang-undang Kecil Koperasi.

(b) Inventori

Inventori dinilai pada yang mana lebih rendah di antara kos atau nilai bersih boleh direalisasi. Kos ditentukan berdasarkan kepada purata berwajaran. Nilai bersih boleh direalisasi adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan normal ditolak anggaran kos siap dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

(c) Pelaburan

(i) Pelaburan dalam saham

Pelaburan-pelaburan dalam saham siarharga, taksiarharga dan saham-saham amanah dinyatakan pada harga kos dan dibuat elau rosotnilai jika terdapat kemerosotan nilai yang bersifat kekal.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD (Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(c) Pelaburan (samb.)

(ii) Pelaburan dan perlindungan diri

Pelaburan dalam perlindungan diri adalah pembelian polisi perlindungan dimana 'Pemunya Polisi' adalah Koperasi dan "Diri Dilindungi" adalah atas hayat staf Koperasi dan Lembaga Pengarah Koperasi. Pelaburan dalam skim perlindungan ini dinyatakan pada nilai penyerahan ("surrender value") atau nilai tunai ("cash value"). Perbezaan antara premium yang dibayar dan nilai penyerahan didebitkan ke akaun prabayar insuran yang kemudiannya akan dicajkan ke akaun Untung Rugi sebagai kos insurans mengikut kaedah garis lurus untuk tempoh sehingga peserta yang dilindungi mencapai umur persaraan 55 tahun.

Sekiranya polisi ditamatkan lebih awal sebelum peserta yang dilindungi mencapai umur persaraan, maka kesemua baki prabayar insuran akan dicajkan ke Akaun Untung Rugi pada tarikh penamatan tersebut.

(d) Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Harta Tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian dari kejejasan, jika ada.

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskira kos dan nilai hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaan aset tersebut mengikut kadar berikut :-

Perabot dan kelengkapan pejabat	20%
Peralatan pejabat	20%
Komputer	20%
Ubahsuai	20%
Hartanah / Bangunan	2%

Bangunan dalam kemajuan akan mula disusutnilaikan apabila ia telah sedia untuk digunakan.

Harta tanah, loji dan peralatan yang diperolehi dalam tahun disusutnilaikan pro-rata mengikut bulan. Susutnilai penuh harta tanah, loji dan peralatan dikekalkan di dalam akaun sehingga ia dilupuskan atau dihapuskira.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan diantara anggaran perolehan bersih dan nilai dibawa harta tanah, loji dan peralatan tersebut dan diiktiraf di dalam Akaun Untung Rugi. Aset dikekalkan di dalam akaun sehingga ia dilupuskan atau dihapuskira.

(e) Aset Tidak Nyata

Aset tidak nyata terdiri daripada yuran francais dan yuran pemasangan yang dibayar pada tarikh pemulaan kontrak untuk tempoh 5 tahun.

Perbelanjaan- perbelanjaan ini dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan dan kerugian dari kejejasan, jika ada.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(f) Elaun Hutang Ragu Pinjaman Anggota

Tujuan Tabung Perlindungan Pembiayaan telah ditambah menerusi Pindaan yang dibuat kepada Aturan Tabung dengan membenarkan elaun hutang rugu pembiayaan anggota dengan kadar tidak melebihi RM100,000 setahun dibuat melalui tabung ini. Ini bermakna segala peruntukan dan pengurangan ke atas akaun elaun hutang rugu akan diselaraskan di dalam akaun tabung ini.

(g) Kejejasan Nilai

Nilai buku bersih bagi akaun aset dikaji pada setiap tarikh Kunci Kira-kira bagi menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda sedemikian wujud, nilai yang boleh diperolehi semula bagi aset tersebut dianggarkan. Kerugian dari kejejasan diiktiraf apabila nilai buku bersih sesebuah aset melebihi nilai yang boleh diperolehi semula.

(h) Simpanan Khas Anggota

Simpanan khas diterima daripada anggota-anggota bagi tujuan peribadi mereka. Tiada faedah atau dividen dibayar ke atas simpanan khas ini.

(i) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas skim pembiayaan kepada anggota akan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi apabila bayaran balik diterima.

(ii) Pendapatan upah simpan akan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi apabila penerima dibiaya membuat penebusan.

(iii) Lain-lain pendapatan diambilkira mengikut dasar perakaunan akruan.

(j) Penyata Aliran Tunai

Koperasi menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai dan setara tunai terdiri dari tunai ditangan, baki dibank dan simpanan tetap yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara.

(k) Insurans Kewangan

(i) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira dalam tempoh ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang rugu berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas semua baki yang belum dijelaskan.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

(k) Insurans Kewangan (samb.)

(ii) Pembiutang

Pembiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang-barang dan perkhidmatan yang diterima.

(l) Caj Pembiayaan

Caj pembiayaan yang berkaitan dengan pembelian dan pembinaan aset akan dipermodalkan sehingga aset tersebut sedia untuk digunakan. Caj pembiayaan yang lain akan dicajkan terus ke Akaun Untung Rugi.

(m) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Gaji, elauan, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan koperasi.

(ii) Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Akaun Untung Rugi Koperasi apabila ia tertanggung.

n) Geran

Geran untuk belanja mengurus diambilkira sebagai pendapatan dalam Akaun Untung Rugi mengikut asas pengakruan. Geran untuk projek pembangunan diiktiraf di dalam liabiliti bukan semasa dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

o) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah yang boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh Kunci Kira-kira dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Dimana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMB.)

p) Dasar Pengurangan Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan Koperasi untuk memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan Koperasi disamping menguruskan risikonya. Dasar-dasar dibawah adalah dilaksanakan untuk memberi kaedah-kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko kewangan ke atas Koperasi. Risiko-risiko yang dihadapi oleh Koperasi adalah risiko kecairan dan risiko kredit.

(i) Risiko Kecairan

Koperasi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

(ii) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi mereka. Koperasi telah mengamalkan dasar yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod kredit yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satu cara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan pelanggaran. Penghutang dikawal secara berterusan melalui prosedur pengurusan hutang Koperasi.

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

Nota-nota kepada penyata kewangan samb

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 01/01/2021 RM	Penambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31/12/2021 RM
Kos				
Perabot dan kelengkapan	300,117	15,747	-	315,864
Peralatan pejabat	86,791	2,094	(4,189)	84,696
Kedai Pejabat	4,838,000	-	-	4,838,000
Kondominium	1,618,888	-	-	1,618,888
Komputer	470,175	6,000	(66,659)	409,516
Ubahsuai	469,392	17,500	-	486,892
Hartanah	1,000	-	(1,000)	-
	7,784,363	41,341	(71,848)	7,753,856
Susutnilai Terkumpul				
Perabot dan kelengkapan	241,427	23,637	-	265,064
Peralatan pejabat	80,172	3,282	(4,187)	79,267
Kedai Pejabat	366,083	96,760	-	462,843
Kondominium	107,278	32,378	-	139,656
Komputer	327,812	46,709	(66,634)	307,887
Ubahsuai	360,759	38,757	-	399,516
Hartanah	-	-	-	-
	1,483,531	241,523	(70,821)	1,654,233
2020				
	Pada 01/01/2020 RM	Penambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31/12/2020 RM
Kos				
Perabot dan kelengkapan	297,354	2,763	-	300,117
Peralatan pejabat	111,103	299	(24,611)	86,791
Kedai Pejabat	4,838,000	-	-	4,838,000
Kondominium	1,618,888	-	-	1,618,888
Komputer	623,150	13,184	(166,159)	470,175
Ubahsuai	469,392	-	-	469,392
Hartanah	1,000	-	-	1,000
	7,958,887	16,246	(190,770)	7,784,363
Susutnilai Terkumpul				
Perabot dan kelengkapan	219,943	21,484	-	241,427
Peralatan pejabat	101,667	3,110	(24,605)	80,172
Kedai Pejabat	269,323	96,760	-	366,083
Kondominium	74,900	32,378	-	107,278
Komputer	444,801	49,153	(166,142)	327,812
Ubahsuai	324,336	36,423	-	360,759
Hartanah	-	-	-	-
	1,434,970	239,308	(190,747)	1,483,531

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

Nota-nota kepada penyata kewangan samb

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	2021 RM	2020 RM
<u>Nilai Buku Bersih</u>		
Perabot dan kelengkapan	50,800	58,690
Peralatan pejabat	5,429	6,619
Kedai Pejabat	4,375,157	4,471,917
Kondominium	1,479,232	1,511,610
Komputer	101,629	142,363
Ubahsuai	87,376	108,633
Hartanah	-	1,000
	<u>6,099,623</u>	<u>6,300,832</u>

LAPORAN TAHUNAN 2021

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta Koperasi 1993)

Nota-nota kepada penyata kewangan samb

5. PELABURAN DALAM SAHAM SIARHARGA

2021		Kos		Elaun	Nilai buku
	Unit	Belian	Pelupusan	rosotnilai	bersih
		RM	RM	RM	RM
Wembley Industries Holding Bhd	1000	1,450	(1,450)	-	-
Fountain View Development Berhad	50	5,400	(5,400)	-	-
Omesti Berhad	33	589	-	(561)	28
Diversified Gateway Solutions Berhad	16	33	-	(31)	2
		<u>7,472</u>	<u>(6,850)</u>	<u>(592)</u>	<u>30</u>

*Unit bagi saham Diversified Gateway Solutions Berhad berkurangan disebabkan penyusunan semula modal.

2020		Kos		Elaun	Nilai buku
	Unit	Belian		rosotnilai	bersih
		RM		RM	RM
Wembley Industries Holding Bhd	1,000	1,450	(1,395)	55	
Fountain View Development Berhad	150	5,400	(5,362)	38	
Omesti Berhad	33	589	(561)	28	
Diversified Gateway Solutions Berhad	16	33	(31)	2	
		<u>7,472</u>	<u>(7,349)</u>	<u>123</u>	

